

## MELAKA SEBAGAI PUSAT ISLAM ABAD KE XV MASIHI

Oleh

YAHAYA ABU BAKAR  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### SYNOPSIS

*This article examines the emergence and development of the Islamic religious teaching and learning during the Malacca Sultanate. The process began almost simultaneously with the coming and introduction of Islam to Malacca. Portuguese sources as well as Sejarah Melayu were in total agreement as to the roles played by the foreign elements in the development of learning and teaching of Islam in Malacca. Istana, Mesjid, and the houses of the ulamaks became the most important instruments in disseminating the teaching of Islam. Subsequently Islamic influence sprang up into various aspect of life. The ulamaks also played various roles at Malacca and occupied special position in the Sultanate.*

### Latar Belakang Kehadiran Ulama

Pertumbuhan dan perkembangan ilmu pengetahuan yang bercorak keagamaan di Melaka, mempunyai pertalian yang amat rapat dengan kehadiran para alim ulama dari luar negeri. Tome Pires dan De Eredia telah mencatatkan kunjungan ramai para ulama ke Melaka khususnya dari Pasai, semenjak tertubuhnya negeri dan bandar pelabuhan itu.<sup>1</sup> Alim ulama tersebut terdiri dari pelbagai bangsa seperti orang-orang Benggali, Arab, Farsi, Gujerat dan Pasai telah datang ke Melaka bersama-sama para pedatang.<sup>2</sup> Di dalam catitan Pires, diketahui bahawa sejak permulaan penubuhan Melaka, para alim ulama (mollah/cazis) telah menumpukan kegiatan pendakwahan dan pengajaran ugama Islam di istana raja Melaka.<sup>3</sup> Alim ulama itu pula dikatakan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang keagamaan, (lebih-lebih lagi orang-orang Arab) serta mempunyai minat yang tinggi untuk menyebarkan pengetahuan mereka kepada pemerintah dan penduduk Melaka.<sup>4</sup> Hasil ketinggian pengetahuan mereka, ditokok pula dengan ketabahan dan kecekalan mereka itulah, mengikut Pires, pemerintah kedua Melaka /Megat Iskandar Shah/ bersama pembesar dan penduduk negeri itu berjaya diIslamkan.<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Lihat umpamanya A. Cortesao, (ed.), *The Suma Oriental*, OF *Tome Pires* Vol. I Hakluyt Society, London, 1944, pp., 239-240. Juga, J.V. Mills, (ed.), "De Eredia's Description of Malacca And Meridional Cathay," . . . *JMBRAS*, Vol. 8, Pt. 1. 1930, p., 50

<sup>2</sup> *Ibid.* Lihat juga M.L. Dames (tr.), *The Book of Duarte Barbosa*, Hakluyt Society, London, 1918-1921, pp., 171-172.

<sup>3</sup> A. Cortesao, (ed.), *The Suma Oriental*, pp., 241-242.

<sup>4</sup> *Ibid.* Menurut Schrieke, baik di Melaka mahupun di Pasai, orang-orang Arab dan Farsi memainkan peranan yang penting dari segi pengajaran keagamaan. Lihat, B. Schrieke, *Indonesian Sociological Studies*, Book II, The Hague, 1966, P., 262

<sup>5</sup> Lihat, Yahaya Abu Bakar, "Kesultanan Melayu Melaka: Satu Kajian Mengenai Kedatangan, Penerimaan Dan Penyebaran Ugama Islam (T.M. 1400-1511)," *Jab. Sejarah, UKM*, 1978, hal. 102.

Sungguhpun sumber-sumber Portugis menyebut kehadiran yang ramai para ulama di Melaka, malangnya sumber-sumber berkenaan tidak mengemukakan nama-nama tokoh pendakwah di Melaka. Ketiadaan ini walau bagaimanapun dapat ditampungi oleh *Sejarah Melayu*, kerana di dalam sumber itu, terdapat nama beberapa tokoh pendakwah yang terlibat dalam bidang pengajaran dan pengajian agama Islam di Melaka. Di antara mereka termasuklah Makhdum Saiyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Kadzi Yusuf, Kadzi Menua, Kadzi Menawar Shah, Makhdum/Maulana Sadar Jahan dan Maulana Jalaludin.<sup>1</sup> Dalam tulisannya, Majul<sup>2</sup> menyatakan bahawa Makhdum di Melaka dan di Kepulauan Melayu dapat disamakan dengan ulama, guru atau pun pendakwah. Di dalam *Sejarah Melayu*, nama Saiyid Abdul Aziz dikaitkan dengan pengislaman raja ketiga, (Raja Tengah/Sultan Muhammad Shah), pembesar serta penduduk Melaka. Selepas mengislamkan pemerintah dan penduduk Melaka, Maulana Saiyid Abdul Aziz telah mengajarkan tata tertib sembahyang kepada mereka.<sup>3</sup> *Sejarah Melayu* seterusnya turut memuatkan kewujudan seorang Kadzi di istana raja Melaka. Di dalam sumber itu, tercatat, selepas Raja Tengah (Sultan Muhammad Shah) memeluk agama Islam, baginda telah mengistiharkan "adat istiadat dan larangan" negeri.<sup>4</sup> Di antara banyak peruntukan-peruntukan dalam *hukum* tersebut, dinyatakan, tatkala raja berangkat ke mana-mana baginda diiringi oleh pembesar-pembesar negara dengan segala kelengkapan diraja. Selain daripada orang besar-besar, *kadzi* juga turut mengiringi keberangkatan diraja.<sup>5</sup> Adalah sulit untuk diputuskan setakat ini, samada Kadzi yang dimaksudkan itu dan Saiyid Abdul Aziz adalah orang yang sama. Apa yang jelas ialah, tugas kadzi di istana tentulah tidak hanya terbatas kepada soal mengiring raja. Tugasnya haruslah disamakan dengan peranan ulama istana. Di dalam kerajaan Islam Jawa ulama istana memainkan peranan pelbagaian fungsi. Sebagai ulama istana, Sutjipto menulis;

"practically he functioned as king's adviser in religious affairs. Accordingly, he was burdened among others with the duties of: consecrating a newly nominated king, leading the implementation of court religious ceremonies and other ritual practices, and teaching religious doctrines to the royal relatives and their children".<sup>6</sup>

### Beberapa Kesan Pengajaran dan Pengajian Agama

Kehadiran ulama-ulama dari luar negeri ke Melaka serta usaha *dakwah* dan pengajaran yang dilakukan oleh mereka akhir-akhirnya telah mendatangkan kesan yang penting dari segi pengaruh Islam di sana. Menurut catatan orang-orang China,

<sup>1</sup> Lihat, R.O. Winstedt, (ed.), "The Malay Annals Or Sejarah Melayu", *JMBRAS*, Vol., 16, Pt. 3, 1938, pp. 91, 127-129.

<sup>2</sup> Lihat C.A. Majul, "Islamic And Arab Cultural Influences In The South Of The Philippines," *JSEAH*, Vol. 7, No: 2, 1963, P., 66.

<sup>3</sup> Lihat Yahaya Abu Bakar, "Kesultanan Melayu Melaka", bab. II.

<sup>4</sup> R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu", p. 84,

<sup>5</sup> R.O. Winstedt, "Sejarah Melayu", p. 87.

<sup>6</sup> A. Sutjipto, "The Religious Leaders In the Javanese Kingdom", *Sixth International Conference On Asian History*, Yogyakarta, August 26th-30th, 1974, pp., 4-5.

terdapat pemerintah dan rakyat Melaka yang patuh kepada ajaran agama Islam dengan melakukan ibadat seperti sembahyang, puasa serta mengeluarkan zakat.<sup>1</sup> Dalam bidang perkahwinan pula, Pires telah mencatatkan mengenai *mas kahwin* dan *hantaran*, lambang percampuran antara pengaruh Islam dengan amalan tradisi sebagaimana yang diamalkan oleh penduduk Melaka.<sup>2</sup> Perkahwinan yang berlaku antara Tun Kudu dengan Tun Ali Seri Nara Diraja juga nampaknya dilakukan dengan terlebih dahulu mengambil kira aspek perundangan Islam. Tun Kudu (permaisuri Sultan Muzaffar Shah) telah diceraikan (ditalaq) terlebih dahulu oleh Sultan dan hanya selepas *'iddah*, barulah ia dinikahkan dengan Tun Ali.<sup>3</sup>

Di samping itu, terdapat juga amalan-amalan seperti *sembahyang teraweh*, *berjumaah*, terutama pada malam dua puluh tujuh Ramadhan, serta sembahyang Isha; dilakukan di masjid oleh pemerintah bersama rakyat Melaka.<sup>4</sup> Ini diikuti pula dengan perayaan secara besar-besaran pada Hari Raya Puasa dan juga Hari Raya Haji.<sup>5</sup> Pencatatan mengenai bulan *Ramadhan*, *Hari Raya Puasa* dan *Hari Raya Haji* dapat memberikan erti terdapatnya pengetahuan dan pengaruh *takwim* Islam di Melaka.<sup>6</sup> Pengetahuan mengenai takwim Islam juga dapat dilihat melalui perkataan.

---

<sup>1</sup> Lihat. J.V. Mills (tr.), *Ma Huan Ying-Yai Sheng-Ian, 1433*, Hakluyt Society Extra Series, London, 1970, p., 110. Lihat juga, W.P. Groeneveldt, *Historical Notes On Indonesia And Malaya Compiled From Chinese Sources*, Bhratara, Djakarta, 1960, p., 123.

<sup>2</sup> Pires melaporkan, "and if it is between Moors, the man must give the women ten taels and six mazes of gold as dowry, which must always be actually in her power. And if the husband wishes to leave her, the said dowry and the clothes remain in her possession, and each of them may marry whomsoever he pleases". Menurut *Hukum Islam*, syarat-syarat sah nikah ada lima perkara. Iaitu, bakal suami, bakal isteri, wali, saksi dan aqad. Mengenai *maskahwin*, Imam Malek mengatakan, ianya adalah wajib dalam perkunan Nikah, tetapi tidak disyaratkan disebut dalam aqad nikah. Lihat T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy, *Hukum-hukum Feqah Islam*, Penerbit Bulan Bintang Djakarta, 1970, hal., 232.

<sup>3</sup> Mengenai perceraian Tun Kudu oleh Sultan Muzaffar dan kemudiannya perkahwinan bekas permaisuri raja itu dengan Tun Ali (selepas *iddahnya*), lihat, R.O. Winstedt (ed.) "Sejarah Melayu", p., 96.

<sup>4</sup> Amalan sedemikian telah dijadikan sebagai adat istiadat diraja oleh Sultan Muhammad Shah (T.M. 1424-1444). Lihat, R.O. Winstedt, "Sejarah Melayu", p., 87. Tardjan Hadidjaja, *Adat Raja-Raja Melayu*, Penerbitan Pustaka Sultanate", pp., 30-31.

<sup>5</sup> R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", p., 30. R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, p., 50.

<sup>6</sup> Bagi umat Islam perayaan-perayaan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji amatlah besar ertinya kepada mereka. Perayaan Hari Raya Puasa jatuh pada 1hb. Syawal (bulan kesepuluh dalam takwim Islam), iaitu selepas melakukan ibadat puasa dalam bulan *Ramadhan* selama satu bulan. Sebelum menunaikan Sembahyang Raya, umat Islam mengeluarkan *Fitrah* yang bertujuan untuk membantu saudara-saudara Muslimin yang terhimpit hidupnya. Hari Raya Aidil Adzha yang juga dikenali sebagai Hari Raya Haji (Hari Raya Korban) jatuh pada 10hb. Dzullhijjah (bulan terakhir daripada takwim Islam). Pada hari ini bakal-bakal Haji melakukan upacara "penyembelihan" (qurban) di Arafah dekat Mina (Mekah), dan menyedekahkan daging sembelihan itu kepada fakir miskin. Selepas itu bakal-bakal haji melakukan sembahyang sebanyak dua raka'at. Lihat M.A. Hanafi, *A Survey of Muslim Institutions and Culture*, Ashraf Press, Lahore, Pakistan, 1964, pp., 244-245.

*Hari Jumaat*, mahupun catatan tarikh pada beberapa batu nesan di Melaka.<sup>1</sup> Selain daripada itu, ada juga catatan yang menunjukkan bahawa di Melaka, daging babi telah diharamkan daripada dimakan oleh orang-orang Islam.<sup>2</sup> Kesemua ini dapatlah dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan kegiatan pengajaran dan pengajian bercorak keagamaan di Melaka, dalam rangka dakwah Islamiah.

Dengan masuk dan berkembangnya pengaruh Islam di Melaka, terdapat beberapa peruntukan hukum Islam dimaktubkan dalam *Hukum Kanun* negeri itu.<sup>3</sup> Sekurang-kurangnya dari segi dasar, beberapa aspek perundangan Islam (jika tidak dari segi keseluruhan detail cara pelaksanaannya sebagaimana yang dituntut oleh *syariah* atau sarjana hukum) telah terdapat di dalam hukum berkenaan. Di dalam *Hukum* tersebut umpamanya, dinyatakan bahawa sipencuri akan dihukum potong tangannya jika ia didapati sabit kesalahannya dan ini adalah selaras dengan Hukum Allah.<sup>4</sup> Seterusnya kepada sesiapa yang didapati melakukan *zina* akan disebat seratus rotan atau pun dihukum rejam dengan batu sehingga mati.<sup>5</sup> Di dalam *Hukum Kanun Melaka* juga disebutkan berkali-kali bahawa si pembunuh akan juga

---

<sup>1</sup>Di batu Nesan Nakhoda Haji al-Kambaib. Jama-al-din yang tersimpan di Raffles Museum tertulis tarikh *9hb. Syawal, Tahun Hijrah 803* (bersamaan 9 August, 1459. Masehi). Di satu nesan lain pula yang juga tersimpan di Raffles Museum, tertulis nama Ismail b. Nasaruddin yang telah berpulang ke rahmatullah pada *5hb. Dzulkaidah hari Khamis malam Jumaat*, tahun 884 hijrah (bersamaan 18th January, 1480). Lihat, R.O. Winstedt, "Muslim Tombstones in Raffles Museum", *JMBRAS*, Vol. x, Part I, January 1932, pp. 6-8. Di batu nesan Sultan Mansur Shah pula tertulis *Hari Rabu, 2hb. Rejab tahun 880 Hijrah*. Lihat R.O. Winstedt, "The Tomb of Mansur Shah, Sultan of Malacca, 1459-1475 A.D." *JSBRAS*, No; 78, 1918 pp., 47-48.

<sup>2</sup>W.P. Groeneveldt, *The Historical Notes*, p., 127 Dalam *Al-Quran*, Surah Al-Baqarah ayat 173 disebutkan; Tidak ia haramkan atas kamu melainkan bangkai dan darah dan *daging babi*, dan sesuatu yang disembelih kerana yang lain dari Allah; tetapi barang siapa terpaksa, padahal tidak sengaja mahu dan tidak melebihi batas, maka tidaklah ada dosa atasnya, kerana sesungguhnya Allah itu pengampun penyayang". Lihat juga Surah Al-Maidah ayat 3.

<sup>3</sup>Mengenai pengaruh Islam dalam *Hukum Kanun*, lihat umpamanya, Abu Hassan Sham "Pengaruh Islam di dalam Undang-Undang Melayu Lama", dalam *SEJAHTERA*, Jurnal Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya, Jil. VI, 1972/73., hal, 6-12. Mohd Yusof Hashim, "Undang-Undang Pada Masa Kesultanan Melaka", Seminar Sejarah Melaka, Disember, 1976, hal., 18-21.

<sup>4</sup>Fasal 7:2 dalam *Hukum Kanun*, menyatakan "adapun pada Hukum Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya". Di dalam Al-Quran dinyatakan ayat yang bermaksud, "Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri itu, hendaklah kamu potong tangan mereka, sebagai balasan bagi apa yang mereka telah usahakan, (dan) sebagai contoh yang menakutkan dari Allah; dan adalah Allah itu mahakuasa, Bijaksana. Tetapi barangsiapa bertaubat sesudah kezalimannya dan ia berbuat kebaikan, maka sesungguhnya Allah akan memberi ampun kepadanya, kerana sesungguhnya Allah itu Pengampun, Penyayang". (Surah 5:38 dan 39).

<sup>5</sup>Dalam *Hukum Kanun* fasal 12:2 disebutkan; "Ada pun pada Hukum Allah, jikalau ia muhsan direjam. Ada pun erti muhsan itu perempuan yang berlaki, jikalau laki-laki yang ada beristeri, itulah erti muhsan. Jikalau ghair muhsan, dipalu, delapan puluh palu dengan hukum dera. Itulah hukumnya dengan tiada bersalahan lagi". Lihat, L. Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, Leiden, 1976, p. 74. Di dalam *Al-Quran*, terdapat sejumlah ayat-ayat Quran tertentu berhubung dengan *Zina*, lihat umpamanya, Surah An Nur ayat dua, tiga, empat dan lima. Juga Surah An Nisa' ayat 34.

dikenakan hukuman mati.<sup>1</sup> Di dalam hal jual beli atau pun pinjam meminjam, sekali bagi Hukum Islam digunakan.<sup>2</sup> Selain dari itu, kepentingan *wali* dalam *nikah* serta kedudukan berjenis-jenis *wali* dan syarat-syaratnya seperti mana yang dikehendaki oleh agama Islam juga disebutkan dalam *Hukum Kanun Melaka*.<sup>3</sup> *Hukum Kanun Melaka* juga menyentuh mengenai *hukum fasakh* (pembatalan nikah atas sebab-sebab tertentu).<sup>4</sup> Di samping itu, hukum berkenaan juga memuatkan fasal mengenai tuduh menuduh (*fitnah*) dan beban membuktikannya ke atas yang menuduh.<sup>5</sup> *Hukum Kanun Melaka* juga ada menyatakan kepentingan *amanat*, *ikarar* (sumpah) dan juga *wasiat* sesuai dengan amalan serta kehendak agama Islam.<sup>6</sup>

### Pengaliran Masuk Kitab-Kitab Agama

Penyebutan Hukum-hukum Islam dalam *Hukum Kanun Melaka* dan juga *Undang-undang Laut Melaka*, (misalnya soal zina dan mencuri), yang dasar utamanya ialah *Al-Quran* sekali gus membawa erti bahawa kitab *Al-Quran* juga turut di-

---

<sup>1</sup> Dalam *Hukum Kanun*, dinyatakan, “kepada hukum Allah, membunuh orang itu dibunuh pula hukumnya”. Lihat, fasal 18:4, dalam Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, p., 104. Hukum sedemikian juga disebut dalam *Al-Quran*, lihat umpamanya; Surah Al-Baqarah, ayat-ayat 178-179, Surah Al-Maidah, ayat 45.

<sup>2</sup> Lihat fasal 15:7 dalam Liaw Yock Fang, *Undang-Undang Melaka*, hal., 94. Menurut Hukum Islam, segala pinjaman berserta nilainya hendaklah ditulis dengan disaksikan oleh dua orang lelaki. Jika tiada dua orang saksi lelaki, bolehlah digantikan dengan seorang saksi lelaki dengan dua orang saksi perempuan. Surah Al-Baqarah, ayat, 282. Mengenai hukum dan peraturan pinjam meminjam menurut Islam, lihat, Maulana Muhammad Ali, *The Religion of Islam*, Lahore, 1975 pp. 716-726. Urusan jual beli juga disebutkan dalam *Hukum Kanun*, lihat, L.Y. Fang, *Undang-Undang Melaka*, fasal 30, fasal 31.1, 31.2, 32.1, pp., 136-142.

<sup>3</sup> Lihat L.Y. Fang, *Undang-Undang*, pp., 126-128.

Menurut *Hukum Islam*, syarat-syarat sah nikah itu ada lima perkara. Iaitu bakal suami, bakal isteri, wali, saksi dan ijab kabul (‘aqad). Mengenai wali pula, ada tiga jenisnya, pertama wali mujbir (ayah si perempuan atau datuknya sebelah lelaki), kedua wali akrab (saudara laki-laki pihak bakal isteri atau bapa saudaranya), ketiga wali hakim, iaitu dalam keadaan di mana kedua-dua wali di atas tidak kedapatan. Di antara syarat-syarat wali ialah; orang bebas (bukan hamba), beragama Islam. Lihat, Anwar Ahmad Qadri, *Islamic Juris Prudence in the Modern World*, Ashraf, Lahore, Pakistan, 2nd Revised Edition, 1973 pp., 408-421. Maulana Muhammad Ali, *The Religion*, pp., 629-653.

<sup>4</sup> Lihat, L. Y. Fang, *Undang-Undang Melaka*, fasal 27, p., 130. Fasakh menurut pandangan Islam, ialah hak wanita meminta penceraian akibat beberapa perkara, dan perkara ini, akan diputuskan oleh Kadzi. Di antara perkara-perkara itu ialah, penyakit yang membahayakan, lemah syahwat, (mati pucuk), ketidak mampuan suami memberikan nafkah, penganiayaan suami dan sebagainya. Lihat, Anwar Ahmad Qadri, *Islamic Juris Prudence*, p. 392.

<sup>5</sup> Di dalam soal zina misalnya Hukum Kanun menyebut, jika tuduhan itu tidak betul (*fitnah*) penuduh akan dihukum lapan puluh kali sebat menurut Hukum Islam. Menurut ‘adat ia akan didenda sepuluh tahlil emas. Jika abdi, didenda dua satu perempat tahlil emas atau separuh harganya. Lihat L.Y. Fang, *Undang-Undang*, p., 84. Dalam *Al-Quran* surah 24:4 disebutkan; (tafsiran), “Dan orang-orang yang menuduh perempuan yang baik-baik [melakukan zina], kemudian mereka tidak hadzirkan empat saksi, maka deralah mereka delapan puluh kali deraan, dan janganlah kamu terima persaksian mereka (yang didera) itu selama-lamanya, kerana mereka itu ialah orang-orang yang fasiq”.

<sup>6</sup> Lihat, L.Y. Fang, *Undang-undang Melaka*, fasal 24:2, 34:1, 3:5, fasal 38:3.

bawa ke Melaka oleh alim ulama. Penerimaan agama Islam itu sendiri sudah cukup jelas memperlihatkan bahawa *Al-Quran* turut sampai ke Melaka. *Al-Quran* seperti mana yang diketahui merupakan kitab yang amat penting sebagai panduan dan petunjuk kepada umat Islam.<sup>1</sup> *Al-Quran* juga merupakan kitab rujukan yang utama dalam menyelesaikan pelbagai persoalan mengenai hukum hakam serta merupakan punca utama perundangan Islam.<sup>2</sup> Di dalam kehidupan sehari-hari sewaktu melakukan sembahyang, ayat-ayat suci *Al-Quran* wajib dibacakan.<sup>3</sup> Dengan sifatnya sedemikian rupa, tidaklah menghairankan kalau di mana sahaja ada penganut Agama Islam dan ke mana sahaja mereka pergi, kitab *Al-Quran* kebiasaannya berada di samping mereka.<sup>4</sup> Lagi pun membaca serta memperdalam isi *Al-Quran* adalah menjadi kewajipan pula kepada umat Islam.

Di dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai* misalnya tercatat bahawa *Al-Quran* itu telah didatangkan ke *Alam Melayu* sewaktu pengislaman Merah Silu, pemerintah Samudra – Pasai.<sup>5</sup> Di dalam sumber itu, dinyatakan betapa sebaik sahaja baginda memeluk Uagama Islam, Merah Silu telah boleh membaca *Al-Quran* yang dibawakan kepadanya.<sup>6</sup> Menyentuh tentang keadaan di Melaka pula, beberapa catitan orang-

---

<sup>1</sup>*Al-Quran* ialah wahyu yang diturunkan daripada Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. melalui perantaraan Jibrail. Di dalam *Al-Quran*, surah kedua, keempat dan kelima banyak membincangkan tentang hukum-hakam (Shariah) yang membentangkan suruhan dan larangan. *Al-Quran* juga dikenali dengan *Al-Furqan* iaitu pembeda antara yang benar dan yang mungkar. *Al-Quran* juga disifatkan sebagai terhormat (majid) menerangkan sesuatu dengan sejelas-jelasnya (*mubin*) dan bersifat membimbing (*Al-Huda*). Selain dari itu, *Al-Quran* juga merupakan "a complete way of life" atau Dasatr-ul-'-Amal. Maulana Muhammad Ali, *The Religion of Islam*, pp., 17-57. H.A.R. Gibb, *Mohammadanism, A Historical Survey*, Oxford University Press, Britain, 1964, pp. 53-71.

<sup>2</sup>Dalam Surah An Nisa ayat 59 disebutkan (tafsiran) "Hai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatlah kepada Rasul dan kepada orang yang berkuasa dari antara kamu. Maka sekiranya dan jika kamu berbantahan di satu perkara, hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul, jika adalah kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu sebaik-baik dan seagustus-agustus ta'wil". Mengenai *Al-Quran* sebagai sumber utama Perundangan Islam, lihat juga umpamanya, H. Abdoerraof S.H., *Al-Quran dan Ilmu Hukum*, Bulan Bintang, Jakarta, 1970, hal., 54-56. Said Ramadan, *Islamic Law, Its Scope and Equity*, Geneva, 1960, pp., 33-36. Maulana Muhammad Ali, *The Religion*, pp., 44-144.

<sup>3</sup>Salah satu ayat yang menjadi rukun sembahyang ialah Surah *Al-Fatihah* sendiri. Selain dari itu, beberapa ayat pilihan dari *Juzz Amma* juga hendaklah dibacakan. Lihat, A. Abu Bakar J., *Selok Belok Agama*, cetakan kesebelas Medan, 1971, hal. 87-95. Sidi Gazalba, *Asas Agama Islam*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1975, hal., 91-94.

<sup>4</sup>Hitti menyatakan, *Al-Quran* ialah sebuah kitab yang paling banyak dibaca oleh umat manusia. Selain daripada kegunaannya dalam bidang keagamaan, *Al-Quran* juga punca di mana penganut uagama Islam mengenal dan mempelajari huruf-huruf jawi. P.K. Hitti, *History of The Arabs*, p., 126. *Al-Quran* juga mengemukakan jawapan kepada segala macam permasalahan yang rumit, yang dialami oleh manusia, misalnya daripada segi pembahagian harta kekayaan, masalah sex, jual beli dan sebagainya. *Al-Quran* juga ada mengemukakan rasionalnya tatkala membincangkan larangan dan suruhan. Lihat, Maulana Muhammad Ali, *The Religion of Islam*, p., 53.

<sup>5</sup>Lihat, Teuku Ibrahim Alfian, *Kronika Pasai Sebuah Tinjauan Sejarah*, Gadjah Mada University Press, Yogyakarta, 1973, hal., 48-52.

<sup>6</sup>*Ibid.* hal. 52.

orang Portugis jelas telah memperakukan bahwa *Al-Quran* telah ada di negeri itu.<sup>1</sup> Menurut mereka, isi kandungan *Al-Quran* hanya jelas diketahui oleh alim ulama, sementara penduduk tempatan tidak dapat memahami keseluruhan isi kitab tersebut.<sup>2</sup> Berikutan dengan kefahaman yang tidak sepenuhnya akan isi *Al-Quran* itulah sebahagian yang dapat menerangkan kenapa masih kedapatan di Melaka, amalan-amalan yang bercanggah dengan kehendak Agama Islam seperti mencuri, membunuh orang, kejadian bunuh diri, pengguguran anak, meminum minuman yang memabukkan, konsep daulat dan derhaka masih berterusan.<sup>3</sup> Walau bagaimana pun, Al Quran itu sangat disanjung serta dihormati oleh orang-orang Melayu.<sup>4</sup>

Walaupun bagaimanapun, kegiatan keilmuan yang berhubung dengan agama Islam kian berkembang dengan munculnya sebuah kitab iaitu *Durul Manzum* yang di-datangkan ke Melaka oleh Maulana Abu Bakar.<sup>5</sup> Menurut *Sejarah Melayu*, kitab tersebut telah dikarang oleh Sheikh Abu Ishaq di Mekah.<sup>6</sup> Kitab itu yang terbahagi kepada dua bahagian, membincangkan mengenai *Zat Allah* di bahagian awalnya, manakala bahagian keduanya menghuraikan mengenai *sifat* Tuhan.<sup>7</sup> Setelah menyelesaikan penulisan kitab tersebut, Sheikh Abu Ishaq telah meminta Maulana Abu Bakar (seorang muridnya) membawanya ke Melaka untuk mengembangkan ajaran daripada kitab itu.<sup>8</sup>

Sebelum kitab *Durul Manzum* dibawa ke Melaka, Maulana Abu Bakar telah meminta agar Sheikh Abu Ishaq menambahkan satu bab lagi kepada kitab tersebut iaitu mengenai *Afal* Tuhan.<sup>9</sup> Menurut *Sejarah Melayu*, permohonan tersebut telah

---

<sup>1</sup>J.V. Mills, "Eredia's Description", p. 50. M.L. Dames (tr), *The Book of Duarte Barbosa*, p., 176.

<sup>2</sup>*Ibid.*

<sup>3</sup>*Sejarah Melayu* banyak sekali mengemukakan contoh-contoh sedemikian. Lihat umpamanya, cerita Sriwaraja membunuh diri sendiri dengan meminum racun (p., 93). Bersekedudukan tanpa nikah dengan gundek yang dilakukan oleh Sri Nara Diraja (p., 95). Perzinaan (?) yang dilakukan oleh Sultan Mahmud Shah dengan isteri Tun Biajat (p., 154). Pengguguran anak yang dilakukan oleh Tun Fatimah isteri Sultan Mahmud Shah (p., 190). Meminum arak sehingga mabuk yang terjadi dalam peristiwa 'pertengkaran' antara Megat Seri Rama dengan Maulana Sadar Jahan (p., 177). Kesah melarikan (mencuri) Tun Teja (anak Raja Pahang) untuk dinikahkan dengan Sultan Mahmud Shah (pp., 169-170) dan sebagainya. Lihat, R.O. Winstedt, (ed) "Sejarah Melayu" Kesah pencurian juga disebut oleh Hai Yu, Lihat, W.P. Groeneveldt, *The Historical Notes*, p., 127.

<sup>4</sup>M.L. Dames, *The Book of Duarte Barbosa*, p., 176.

<sup>5</sup>R.O. Winstedt, (ed) *Sejarah Melayu*, p., 127.

<sup>6</sup>Di dalam Edisi Winstedt (Mss. 18), tidak dinyatakan berkenaan Sheikh Abu Ishaq sebagai pengarang kitab *Durul Manzum*. Yang disebut ialah kedatangan Maulana Abu Bakar dan kitab itu ke Melaka. Walau bagaimana pun, nama pengarang kitab itu dinyatakan dalam Edisi Abdullah yang disunting oleh A. Teeuw dan T.D. Situmorang. Lihat, A. Teeuw, A. Situmorang (Peny.), *Sejarah Melayu*, Penerbit Djambatan, Djakarta, 1952, hal., 168-169.

<sup>7</sup>Lihat, Syed Naguib Al-Attas, *Some Aspects of Sufism As Understood and Practised Among the Malays.*, MSRI, Singapore, 1963, p., 22.

<sup>8</sup>Situm orang dan A. Teeuw, (ed.), *Sedjarah Melayu*, hal., 168, menyebut, "Maka kata Maulana Abu Ishaq pada Maulana Abu Bakar; Pergilah engkau turun ke negeri Melaka, beri fatwa olehmu segala orang di bawah angin".

<sup>9</sup>Situm orang dan A. Teeuw (ed.), *Sedjarah Melayu*, hal. 168.

diperkenankan oleh pengarang kitab *Durul Manzum*, sebagai persediaan untuk menjawab persoalan yang mungkin akan dibangkitkan mengenainya di Melaka nanti.<sup>1</sup>

Dengan demikian kitab *Durul Manzum* yang dibawa ke Melaka itu, mengandungi tiga bab yang membincangkan *Zat*, *Sifat* dan *Afal* Allah. Ketibaan Maulana Abu Bakar dan *Durul Manzum* telah disambut dan diberi penghormatan dengan sepertinya, lalu diarak ke istana Sultan Mansur Shah.<sup>2</sup> Penghormatan sedemikian dapat melambangkan penilaian yang diberikan kepada diri Maulana mahupun kepada aspek pengajian agama Islam di Melaka pada masa itu.<sup>3</sup> Penghormatan serupa itu nampaknya secocok pula dengan sikap Sultan Mansur Shah yang sangat menghargai nilai ilmu pengetahuan.<sup>4</sup> Malah baginda sendiri seperti mana yang disebutkan oleh *Sejarah Melayu*, telah berguru kepada Maulana Abu Bakar, di mana Maulana tersebut mendapati Sultan Mansur Shah amat terang hatinya.<sup>5</sup> Di dalam perguruannya kepada Maulana Abu Bakar, baginda Sultan Mansur Shah telah diajarkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan.<sup>6</sup>

Menyedari akan peri pentingnya nilai kitab tersebut, dan boleh jadi untuk meluaskan lagi kefahaman, mahupun pengajian berhubung dengan isi kitab *Durul Manzum*, Sultan Mansur Shah menitahkan supaya kitab itu dihantar ke Pasai untuk diberi pengertian [mungkin terjemahan ke dalam Bahasa Melayu].<sup>7</sup> Setelah selesai diberi pengertian oleh Makhdum Patakan, Kitab *Durul Manzum* dan pengertiannya dibawa pulang ke Melaka, lalu diberikan penghormatan seumpamanya, dengan diarak ke istana raja.<sup>8</sup> Perkembangan sedemikian sesungguhnya amatlah penting kerana buat pertama kali, *Sejarah Melayu* telah menunjukkan suatu usaha yang positif oleh pemerintah Melaka untuk mendekati dan mempertingkatkan bidang ilmu keagamaan. Kegiatan serupa itu juga dapat melambangkan bahawa usaha pengajian ugama Islam di Melaka dalam tempoh itu, bukan lagi hanya terbatas kepada aspek mendengar ajaran atau penerangan dari Maulana semata-mata, malah jauh dari itu, ia melambangkan suatu daya ke arah memahami dengan lebih dekat atau mendalam akan ilmu pengetahuan keagamaan itu sendiri. Titah diraja untuk mendapat pengerti-

---

<sup>1</sup> *Ibid.*

<sup>2</sup> *Ibid.* Lihat juga R. J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", p., 47, P. Wheatley, *The Impression*, p., 147.

<sup>3</sup> Zainal Abidin Abdul Wahid, "Sejarah Melayu", *Asian Studies*, Vol. 4, No: 3, Disember, 1966, p., 385.

<sup>4</sup> Selain daripada ilmu keagamaan, baginda Sultan juga menitahkan pembesar dan rakyatnya belajar ilmu-ilmu lain, ini termasuklah ilmu memikat gajah liar, mengenderai kuda dan bermain senjata. Lihat R.O. Winstedt, (ed.), "Sejarah Melayu", p., 121. Selain daripada itu, Winstedt dipercayai bahawa, dalam tempoh ini cerita-cerita Hindu dan Jawa Kuno serta wayang kulit turut diketahui di Melaka tetapi ditambah atau diubah suai menurut "selera" Islam. Lihat. R.O. Winstedt, *A History of Malaya* p., 54.

<sup>5</sup> R.O. Winstedt, (ed) "Sejarah Melayu", p., 127. Situmorang dan A. Teeuw, (Peny.) *Sedjarah Melayu*, hal., 169.

<sup>6</sup> Lihat, R.O. Winstedt (ed.), "Sejarah Melayu", p., 127.

<sup>7</sup> *Ibid.* pp., 146-147

<sup>8</sup> *Ibid.*



an yang lebih jelas dari kitab tersebut, mungkin dilakukan bagi maksud pembacaan, pemahaman atau pengetahuan umum.

Menurut Syed Muhammad Naguib Al-Attas, Kitab *Durul Manzum* yang dikarang oleh seorang ahli sufi (tasauf) dan kemudiannya dibawa oleh seorang Maulana lain ke Melaka, dapat melambangkan pengaliran ajaran tasauf ke negeri itu.<sup>1</sup> Perguruan Sultan Mansur Shah kepada Maulana Abu Bakar (murid Sheikh Abu Ishaq) dapat menunjukkan bahawa Sultan tersebut sebagai pengikut faham sufi.<sup>2</sup> Sekiranya ungkapan-ungkapan di atas dapat diterima, dapatlah dikatakan bahawa kehadiran Maulana Abu Bakar dan juga kitab *Durul Manzum* di Melaka merupakan lanjutan daripada perkembangan ilmu tasauf (sufi) di Kepulauan Melayu yang kian berkembang dalam abad ketiga belas Masehi.<sup>3</sup>

Sebelum penubuhan Melaka, aliran Sufi telah berkembang di Pasai malah ada tuntutan yang mendakwa bahawa pengislaman Merah Silu itu pun, dilakukan oleh pendakwah dari kalangan ahli sufi.<sup>4</sup> Memandangkan hakikat bahawa terdapat pengaliran masuk ulama ke Melaka dari Pasai sejak penubuhan negeri itu, adalah tidak mustahil faham sufi yang wujud dan berkembang di Pasai sebelumnya turut dibawa ke Melaka. Melalui perhubungan perdagangan dan diplomatik antara Melaka dengan Asia Barat,<sup>5</sup> Sheikh Abu Ishaq mungkin mendapat tahu mengenai pengislaman negeri itu. Dipandu oleh matlamat untuk memperluaskan syiar Islam, beliau telah mengarang kitab *Durul Manzum* bakal dikirimkan ke Melaka. Kehadiran Maulana Abu Bakar dan juga Kitab *Durul Manzum* sesungguhnya mempunyai erti yang besar kepada pengajaran dan pengajian keagamaan di Melaka. Penghantaran kitab tersebut ke Pasai untuk diberi pengertian, dengan jelas menunjukkan perhubungan yang rapat antara Melaka dengan Pasai berhubung dengan pengajian keagamaan.

<sup>1</sup> Lihat Syed Naguib Al-Attas, *Sufism*, pp., 21-22, juga p., 31.

<sup>2</sup> R.J. Wilkison, "The Malacca Sultanate", *JMBRAS* Vol. 13, Pt. 2, 1935 p., 47.

<sup>3</sup> Menurut L. Archer, tasauf (sufism) telah mulai berkembang di Alam Melayu sejak abad kelapan Masehi. Tegas beliau, along with the introduction of orthodox Islam into Sumatra, there came about the same time, a type of heretical mysticism which still continues to exercise considerable influence over men's mind, in spite of the influence originating from Arabia". Lihat, L. Archer, "Muhammadan Mysticism In Sumatra", *JMBRAS*, Vol. XV, Pt. 2, (September 1937)p., 90.

Walaupun bagaimanapun Syed Naguib berpendapat, tasauf mungkin telah tiba sejak abad pertama Hijrah (abad ketujuh Masehi) di Sumatra. Lihat, Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *Sufism*, p., 20. Sementara A.H. Johns pula mensifatkan agama Islam hanya berkembang pesat dan bertapak kukuh di Kepulauan Melayu dalam abad ketiga belas Masehi, dengan ahli-ahli tasauf (sufi) mengambil peranan utama dalam penyebaran agama itu. Lihat, A.H. Johns, "Sufism As A Category In Indonesian Literature And History", *JSEAH*, Vol. 2, No: 2, July 1964, p., 14.

<sup>4</sup> S.Q. Fatimi percaya bahawa gelaran "makhdum", "fakir" dan "Maulana" yang dipakai oleh Sheikh Ismail mahu pun Fakir Muhammad, merujuk kepada ulama-ulama Sufi. Lihat, S.Q. Fatimi, *Islam Comes To Malaysia*, MSRI, Singapore, 1963, p., 78.

<sup>5</sup> Menurut Pires, nama pemerintah Melaka (Sultan Mansur Shah) begitu masyhur ke mana-mana sehingga pemerintah-pemerintah Aden, Hormus, Combay, Gujerat, Bengal mengutus perutusan kepada baginda. Ini menunjukkan bahawa Negeri Melaka begitu popular pada masa itu. Selain dari itu, Pires ada menyebut kezaman Sultan ini untuk menunaikan fardhu Haji ke Mekah. Ini sekali lagi melambangkan corak perhubungan keagamaan antara Melaka dengan Asia Barat. Lihat, A. Cortesao (ed.), *The Suma Oriental*, p., 245, dan juga p., 250.

Perkembangan pengajian tasauf dan juga perkaitan antara Melaka dengan Pasai dalam bidang ini, kelihatan lebih jelas, apabila Sultan Mansur Shah menitahkan suatu persoalan agama ditanyakan di Pasai. Menurut *Sejarah Melayu* persoalan agama itu cuma memecahkan masalah mengenai kedudukan ahli-ahli syurga dan ahli-ahli neraka.<sup>1</sup> A.H. John dalam tulisannya berpendapat bahawa persoalan demikian telah pun dibincangkan oleh Abdul Karim Al-Jili, seorang ulama tasauf dalam kitabnya yang berjudul *Insan Al Kamil*.<sup>2</sup> John seterusnya menambah, isi kandungan mahu pun penulis *Kitab Insan Al Kamil* telah diketahui di Pasai sejak permulaan abad kelima belas Masehi.<sup>3</sup> Persoalan yang dimajukan oleh Melaka, menurut *Sejarah Melayu* telah dapat dijawab dengan memuaskan oleh Maulana Tun Makhdum dari Pasai.<sup>4</sup> Menurut Winstedt, *Kitab Insan Al-Kamil*, menyatakan bahawa isi syurga akan kekal menikmati kurniaan Allah di akhirat manakala isi neraka akan dipindahkan ke syurga selepas menerima seksaan sepadannya.<sup>5</sup>

### Minat Golongan Pemerintah

Ibarat titikan-titikan minyak yang tumpah di permukaan sehelai kertas, yang lama kelamaan meresap, meluas menjadi sebati mesra, maka demikianlah pula perkembangan agama Islam dan kegiatan ilmu pengetahuan di Melaka, yang kian lama, kian meningkat serta berkesan. Peningkatan kepada aspek pengajian yang bercorak keagamaan sebahagian terbesar berpunca daripada sikap beberapa orang pemerintah-pemerintah Melaka yang sangat menghargai kepentingan ilmu pengetahuan. Telah jelas umpamanya Sultan Megat Iskandar Shah berguru kepada Maulana-maulana sehingga baginda memeluk agama Islam.<sup>6</sup> Raja Tengah (Sultan Muhammad Shah) juga telah mempelajari ilmu keagamaan daripada Saiyid Abdul Aziz.<sup>7</sup> Malah menurut Pires, baginda telah “dikelilingi oleh Maulana-maulana” selama lapan tahun,<sup>8</sup> yang boleh membawa erti, perguruan baginda kepada Maulana-maulana

---

<sup>1</sup> Soalan itu berbunyi, “Segala isi syurga itu kekalkah ia dalam syurga? Dan lagi isi neraka kekalkah ia dalam neraka?” Lihat, R.O. Winstedt, (ed.), “Sejarah Melayu”, p., 128.

<sup>2</sup> A.H. Johns, “Muslim Mystics”, dalam D.G.E. Hall (ed.), *Historians of South East Asia*, London, 1968. p., 41.

<sup>3</sup> *Ibid.* *Insan Al Kamil* adalah sebuah kitab tasauf di abad kelima belas yang membincangkan perhubungan antara manusia dan Tuhan. Menurut Abd. Karim Al-Jili, manusia datang daripada Tuhan dan kepadaNya manusia harus kembali. Perjalanan pulang menemui Allah ini haruslah dilakukan dengan jalan yang praktikal (tariqah). Tariqah (jalan/path) itu hendaklah mengandungi unsur-unsur saikoloji dan rohani yang akhirnya “menyatukan” diri dengan Tuhan. Lihat juga, Syed Naguib Al-Attas, *Sufism*, p., 20.

<sup>4</sup> Menurut Maulana itu, “isi syurga itu kekallah ia dalam syurga, isi neraka kekal dalam neraka, . . . . . karna thabit dengan dalil *Quran*: khalidanu fiha abada”. Lihat, R.O. Winstedt (ed.), “Sejarah Melayu”, p., 128.

<sup>5</sup> Lihat, R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, Marican & Sons, K. Lumpur, 1968, p., 55.

<sup>6</sup> Lihat, Yahaya Abu Bakar, “Kesultanan Melayu Melaka”, bab II, hal., 102.

<sup>7</sup> R.O. Winstedt(ed.), *Sejarah Melayu*”, p., 84.

<sup>8</sup> A. Cortesao (ed.), *The Suma Oriental*, p., 242.

tersebut. Begitu juga dengan Sultan Mansur Shah yang telah belajar ilmu tasauf daripada Maulana Abu Bakar dan seterusnya menitahkan *Kitab Durul Manzum* diberi pengertian.<sup>1</sup> Minat yang sama untuk memperkembang ilmu keagamaan juga telah ditunjukkan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah yang telah menjemput pemerintah-pemerintah Pahang, Kampar dan Inderagiri berserta keluarga mereka untuk memperdalam aspek keagamaan di istana raja.<sup>2</sup>

Minat pemerintah Melaka terhadap kegiatan bercorak keagamaan telah diteruskan oleh Sultan Mahmud Shah pemerintah terakhir Melaka (tahun Masehi 1488-1511).<sup>3</sup> Sungguhpun di dalam *Sejarah Melayu* dan beberapa sumber Portugis, kelihatan baginda sebagai seorang pemerintah yang kurang baik, (zalim),<sup>4</sup> akan tetapi tempoh pemerintahannya turut menyaksikan perkembangan ilmu pengetahuan. Dalam masa pemerintahan baginda, seorang pendita bernama Maulana Sedar Jahan telah "datang ke Melaka dari atas angin".<sup>5</sup> Sebagaimana pemerintah terdahulu, Sultan Mahmud Shah telah memberikan penghormatan kepada Maulana tersebut untuk menyebarkan ilmu pengetahuan di Istana raja, dan baginda sendiri turut berguru kepada Maulana Sedar Jahan.<sup>6</sup>

Seterusnya dalam masa pemerintahan baginda, sebuah persoalan agama telah ditanyakan ke Pasai atas kehendak Sultan Mahmud Shah sendiri. Menurut *Sejarah Melayu* persoalan tersebut berbunyi:

---

<sup>1</sup> Lihat nota bawah no: 50.

<sup>2</sup> A. Cortesao, *The Suma Oriental*, p., 251 menyebut, "This king Alaudin always had the kings of Pahang, Kampar and Indragiri, and their relatives, with him in Malacca, at court as it were, and he instructed them in the things of Mohammad, because he knew all about them". Dalbouquerque juga menyatakan minat Sultan ini untuk tinggal bersendirian "in solitary", yang boleh membawa erti kehidupan ahli tasauf. Lihat, W.D. S. Birch, *The Commentaries, Of The Great Afonso Dalbouquerque*, Vol III, No. LXII, Hakluyt Society, London, 1880, p., 77.

<sup>3</sup> Tempoh pemerintahan baginda mahupun sejarah Melaka dalam tempoh itu, boleh dilihat daripada, R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, pp. 56-64.

<sup>4</sup> Daripada *Sejarah Melayu*, Sultan Mahmud dapatlah dikatakan seorang yang zalim dan bertindak menurut hawa nafsunya. Baginda telah memerintahkan hukuman mati terhadap Bendahara Tun Mutahir semata-mata kerana mendengar fitnah. Baginda juga berbuat curang (zina?) dengan isteri Tun Biajit. Atas kehendak baginda juga Tun Teja dilarikan dari Pahang untuk dinikahkan dengannya. Lihat, R.O. Winstedt, (ed.), "Sejarah Melayu", pp., 150-217. Pires menyatakan bahawa Sultan Mahmud "was less just then any of the previous ones, very luxurious, intoxicated with opium every day . . . he was a great eater and drinker, brought up to live well and viciously". Lihat, A. Cortesao (ed.), *The Suma Oriental*, pp., 252-253. Peribadi "Sultan yang sedemikian itu juga disentuh oleh Albouquerque. Lihat W.D.G. Birch, *The Commentaries*, pp., 82-84.

<sup>5</sup> R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu", p., 178.

<sup>6</sup> *Ibid.* Manakala Winstedt yang memetik kenyataan Pires, menyebut Sultan ini telah meninggalkan takhta dan diserahkan kepada anaknya, serta menumpukan perhatian terhadap pengajian tasauf. Lihat, R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, OUP., K. Lumpur, 1969, p., 72.

“Barang siapa menyatakan bahawa Allah ta’ala menjadikan dan memberikan rezeki pada azal, maka sanya kafir . . . . . Barang siapa menyatakan bahawa Allah Subha nahu wata’ala tiada menjadikan dan tiada memberi rezeki pada azal maka sanya kafir”.<sup>1</sup>

Menurut *Sejarah Melayu*, persoalan agama tersebut telah diperkatakan oleh ulama-ulama dari Khurasan dan Iraq berdasarkan kepada ayat *Al Quran*.<sup>2</sup> Setibanya utusan yang membawa persoalan itu ke Pasai, pemerintah negeri itu telah mengumpulkan beberapa ramai maulana-maulana, namun persoalan demikian masih tidak mendapat jawapan yang khusus.<sup>3</sup> Persoalan itu, bagaimanapun kemudiannya, dapat dijawab oleh pemerintah Pasai dengan memuaskan, serta memenuhi kehendak Raja Melaka.<sup>4</sup>

Selain daripada pemerintah-pemerintah (raja-raja), terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa golongan pembesar juga turut melibatkan diri dalam proses pengajian yang berkaitan dengan keugamaan. Kelihatan umpamanya, Bendahara Sri Maharaja bersama pembesar-pembesar Melaka turut mempelajari bidang keugamaan kepada Maulana Sadar Jahan.<sup>5</sup> Selain daripada Bendahara, pembesar Tun Mai Ulat Bulu juga mengaji pada Maulana, walaupun dengan menghadapi kesukaran tertentu.<sup>6</sup> Malah *Sejarah Melayu* turut mencatatkan keinginan Megat Sri Rama untuk mempelajari agama, walaupun kemahuan seumpama itu ditolak oleh Maulana.<sup>7</sup>

Perguruan para pembesar kepada maulana-maulana sesungguhnya bukanlah suatu perkara baru. Sewaktu Sultan Muhammad Shah memeluk agama Islam baginda menitahkan pembesar-pembesar dan rakyat jelata mengikuti jejaknya.<sup>8</sup> Di dalam hal yang sama, apabila Raja itu belajar ilmu Agama kepada Maulana, maka ia dapat

---

<sup>1</sup> *Ibid*. Pertanyaan masalah yang berkaitan dengan tasauf ini menyebabkan Syed Naguib menyimpulkan bahawa di Melaka dalam tempoh tersebut, tasauf merupakan bidang ilmu yang sangat berkembang. Lihat Syed Naguib Al-Attas, *Sufism*, p., 22.

<sup>2</sup> R.O. Winstedt, (ed.) “*Sejarah Melayu*”, p., 178.

<sup>3</sup> *Ibid*, p., 179.

<sup>4</sup> *Ibid*.

<sup>5</sup> *Ibid*., p., 177.

<sup>6</sup> Perguruan Tun Mai Ulat Bulu kepada Maulana Sadar Jahan menurut *Sejarah Melayu* jelas menghadapi masalah bahasa pertuturan. Tun Mai Ulat Bulu menghadapi kesukaran menyebut perkataan-perkataan Arab yang asing baginya. Manakala maulana pula menghadapi masalah penyebutan beberapa perkataan Melayu seperti *nyiru*, *kunyit* dan *kucing*. Lihat. R.O. Winstedt, “*Sejarah Melayu*”, p., 178.

<sup>7</sup> Disebutkan dalam *Sejarah Melayu*, sewaktu Bendahara Seri Maharaja dan pembesar-pembesar lain mempelajari ilmu agama kepada Maulana Sadar Jahan, Megat Seri Rama yang dalam keadaan mabuk mendesak supaya ia diajarkan ilmu agama. Maulana bagaimana pun menolak permintaan tersebut. Pertikaman lidah berlaku antara Maulana dengan Megat Seri Rama. Megat Seri Rama menuduh Maulana datang ke Melaka untuk mencari kekayaan dan bukannya, bagi maksud menyebarkan ilmu pengetahuan. Maulana dengan itu pulang ke kediamannya. Lihat, R.O. Winstedt, (ed.) “*Sejarah Melayu*”, p., 177. Juga, C.A. Majul, “*The Theories*”, pp., 352-353.

<sup>8</sup> Lihat, Yahaya Abu Bakar, “*Kesultanan Melayu Melaka*,” Bab II, hal., 121.

membawa pengertian bahawa pembesar-pembesar juga turut melibatkan diri dalam proses pembelajaran Ugama. Sifat pembesar yang selalunya mematuhi kehendak dan perlakuan rajanya sekali lagi dapat mengukuhkan pandangan seumpama itu. Selain dari itu, syarat-syarat untuk menjadi menteri atau pembesar istana sepertimana yang disebutkan dalam *Hukum Kanun Melaka*, menghendaki supaya golongan ini mengetahui dan faham mengenai hukum hakam negara demi melicinkan pentadbiran masing-masing.<sup>1</sup> Tuntutan syarat sedemikian rupa, pasti memerlukan bekalan ilmu pengetahuan yang cukup lebih-lebih lagi tatkala menghadapi persoalan-persoalan hukum yang berkaitan dengan perundangan *syariah*.

Kesan pengajian keagamaan terhadap golongan pembesar juga nampaknya tidak sedikit. Di dalam wasiat Bendahara Seri Maharaja kepada Sultan Alauddin umpamanya, prinsip keagamaan ditekankan dengan begitu rupa. Bendahara dikatakan menasihati Raja supaya jangan menurut kehendak nafsu semata-mata, “kerana banyak raja-raja yang dibinasakan Allah taala kerajaannya, akibat mengikut hawa nafsu”.<sup>2</sup> Sesungguhnya, di dalam Al-Quran terjelma beberapa ayat yang memperkatakan mengenai kebencanaan hawa nafsu.<sup>3</sup>

Kesan daripada pengajian yang mengutamakan aspek-aspek pengajian agama juga telah melahirkan cerdik-cerdik pandai di Melaka. *Sejarah Melayu* umpamanya menyatakan bahawa, “adapun orang kaya Tun Muhammad itu, jikalau duduk pada jumlah Melayu, ialah alim, tahu akan saraf nahu sedikit, akan ilmu fiqah sedikit, akan ilmu usul pun mengerti.”<sup>4</sup> Kenyataan seumpama itu dengan sendirinya dapat melambangkan sifat perbagaian ilmu ugama yang dituntut pada masa itu. Telah menjadi pengetahuan umum bahawa kebiasaannya seseorang murid itu diajarkan pelbagai cabang ilmu pengetahuan sebagai ‘bekal’ untuk di tepi ketengahkan dalam masyarakat.

Adalah jelas bahawa kesan pengajaran dan pengajian keagamaan di Melaka telah melahirkan golongan-golongan pemerintah dan pembesar-pembesar yang kenal huruf (literate). Keupayaan sedemikian membolehkan mereka membaca, menulis dan memahami kandungan kitab-kitab tertentu. Sewaktu Melaka menghadapi ancaman serangan Portugis, beberapa orang pembesar Melaka telah memohon kepada Sultan Ahmad Shah, *Kitab Muhammad Ali Hanafiah* untuk *dibaca* oleh perwira-

---

<sup>1</sup>Ibid. Bab III, hal., 150. Syarat-syarat menjadi menteri mengikut *Hukum Kanun* ialah enam perkara. Di antaranya yang penting ialah pengetahuan mengenai hukum hakam dan kebolehan menjalankan siasatan dengan rapi.

<sup>2</sup>R.O. Winstedt, (ed.) “Sejarah Melayu”, p., 145.

<sup>3</sup>Misalnya Surah Shad ayat 26 menyebut (terjemahan): Hai Dawud, sesungguhnya Kami jadikan-mu Khalifah di bumi. Maka berilah keputusan antara manusia dengan benar, dan janganlah engkau turut-turut hawa nafsu, kerana nanti ia sesatkan mu dari jalan Allah, sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah itu adalah bagi mereka adzab yang keras lantaran mereka lupa kepada hari perhitungan. Surah Ar-Rum: ayat 29 dan Surah Al-Baqarah ayat 50.

<sup>4</sup>R.O. Winstedt, (ed.) “Sejarah Melayu”, p., 145).

perwira Melaka bagi menyemarakkan semangat perjuangan mereka.<sup>1</sup> Permintaan seumpama itu, dengan jelas menunjukkan kefahaman mereka akan kandungan dan kepentingan kitab tersebut. Oleh kerana isi kitab tersebut dipandang terlalu tinggi oleh pemerintah Melaka, maka baginda menganggap sudah memadai sekiranya kitab *Amir Hamzah* dibacakan.<sup>2</sup>

Selain daripada itu, terdapat juga catitan di dalam *Sejarah Melayu*, yang menunjukkan beberapa perutusan keluar negeri telah dituliskan oleh pembesar-pembesar Melaka, manakala perutusan dari luar negeri dibacakan pula.<sup>3</sup> M. Kobata dan A. Matsuhuda juga telah mengemukakan siri perutusan, "hantaran" dan juga "balasan" (jawapan) daripada pemerintah-pemerintah Melaka dengan pemerintah-pemerintahan Pulau Ryukyu.<sup>4</sup> Keadaan seumpama itu menunjukkan bahawa terdapatnya sebilangan penduduk-penduduk Melaka khususnya pemerintah dan pembesar-pembesar yang kenal huruf di waktu itu. Keupayaan seumpama itu membolehkan mereka menyusun dan menulis *Hukum Kanun Melaka*<sup>5</sup> dan juga *Undang-Undang Laut Melaka*.<sup>6</sup> Malah ada pandangan-pandangan yang mengemukakan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, p., 191. Di sini disebutkan, atas cadangan Tun Muhammad Unta, kitab tersebut dipersetujui untuk dibaca kepada perwira-perwira Melayu yang lain. Tun Aria disuruh memohon kitab itu daripada Sultan. A.H. Johns, "Islam In South East Asia: Reflections and New Directions", dalam *Indonesia*, Cornell Modern Indonesia Projects, No. 19 (April 1975), p., 41. Untuk keterangan lanjut mengenai Hikayat ini, lihat, L.F. Brakel, *The Hikayat Muhammad Hanafiyah*, Published by Koninklijk Instituut Voor Taal-Land En Volkenkunde, The Hague - Martinus Nijhoff, 1975.

<sup>2</sup> R.O. Winstedt, (ed.), "Sejarah Melayu" pp., 191-192. Juga, Zainal Abidin A. Wahid, "Sejarah Melayu", p., 449. Untuk keterangan lanjut mengenai Kitab ini, lihat, S.A. Dahlan, *Hikayat Amir Hamzah*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1969.

<sup>3</sup> Misalnya di dalam sumber itu dicatitkan perutusan-perutusan surat ke Pasai dan Siam. Surat ke Pasai bertujuan menanyakan masalah Ugama iaitu berhubung dengan kedudukan ahli *syurga* dan *neraka*. Surat ke Siam pula ditulis untuk mencari perdamaian dengan negeri itu. Manakala surat perutusan yang lain ialah, utusan dari Sultan Abdul Jamal (Pahang) menyatakan sikap taat setia baginda kepada pemerintah Melaka. Lihat, R.O. Winstedt (ed.) "Sejarah Melayu", p., 98, p., 127 dan p., 167.

<sup>4</sup> Menurut mereka, terdapat sembilan buah perutusan bertulis yang dikirimkan oleh pemerintah-pemerintah Ryukyu ke Melaka daripada 16hb. September, 1463 hingga 29hb. Oktober, 1472. Sementara perutusan dari Melaka ke Kepulauan Ryukyu pula berjumlah lima buah, daripada 27hb. April, 1467 hingga 11hb. April, 1480. Lihat, M. Kobato and A. Matsuda, (trs.), *Ryukyuan Relations*, pp., 101-120. Lihat juga, Hsu Yun-Tsiao, "Notes on the Relations", pp., 1-14.

<sup>5</sup> *Hukum* tersebut dipercayai telah ada sejak Raja Iskandar Shah menubuhkan negeri Melaka. Sebahagian daripada *Hukum* itu telah dipraktikkan dan dijadikan *Adat Istiadat Negeri* dalam masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah 1446-1456 Masehi. Lihat, L.Y. Fang, *Undang-Undang Melaka*, p., 64. Muhd Yusoff Hashim, "Undang-Undang pada masa Kesultanan Melaka", hal., 7-8. L.Y. Fang, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*, hal., 270-272. Juga, R.O. Winstedt, "The Date of Malacca Legal Code" dalam *Journal of Royal Asiatic Society* (April 1953), pp., 31-35.

<sup>6</sup> Di dalam Risalah *Undang-Undang* tersebut dinyatakan dengan terang berkenaan Sultan Mahmud Shah telah didatangi oleh Bendahara Seri Maharaja memohon supaya disuratkan *Undang-undang* tersebut. Keperluan seumpama itu adalah berpunca daripada kepentingan penyelarasan pelajaran di laut untuk kapal-kapal dagang. Lihat, R.O. Winstedt and P.E. De Josselin De Jong, "The Maritime Laws of Malacca", p., 27 dan p., 31.

sebahagian daripada deraf asal *Sejarah Melayu* sendiri telah disusun dan ditulis dalam tempoh kesultanan Melaka.<sup>1</sup>

Persoalan yang mungkin timbul, ialah mengenai bentuk tulisan dan huruf yang digunakan dalam tempoh Kesultanan Melaka. Persoalan seumpama itu dapat dijelaskan melalui beberapa catatan sumber-sumber. Ma Huan dalam *Ying Yai Sheng-lan* mendapati bahawa huruf dan tulisan yang digunakan di Melaka, menyerupai dan bersamaan dengan keadaan di Jawa.<sup>2</sup> Hai-yu yang menulis dalam tahun 1537 Masehi, menyatakan di Melaka tulisan dan huruf yang digunakan adalah menyerupai bentuk tulisan dari India.<sup>3</sup> Kedua-dua pendapat di atas mungkin dapat menggambarkan kewujudan dan penggunaan *tulisan* huruf-huruf *Pallava* di Melaka.<sup>4</sup> Sesungguhnya penggunaan perkataan-perkataan *Sanskrit* dan juga tulisan *Pallava*, memang ada pengaruhnya di beberapa bahagian di Semenanjung Tanah Melayu ini.<sup>5</sup>

Akan tetapi dengan kedatangan dan penerimaan Ugama Islam, huruf dan tulisan Jawi telah dipakai dengan meluas di beberapa bahagian di Kepulauan Melayu.<sup>6</sup> Asas tulisan dan huruf *Jawi* adalah didapati daripada *Al-Quran*. Melalui huruf-huruf yang terdapat dalam *Al-Quran* terciptalah beberapa huruf lain yang memperlengkapkan *tulisan Jawi*. Huruf-huruf yang terdapat dalam *Al-Quran* telah menciptakan beberapa huruf lain yang memperlengkapkan *tulisan Jawi*. Huruf-huruf

---

<sup>1</sup> Sungguhpun pada umumnya Tun Sri Lanang dianggap menulis *Sejarah Melayu* dalam tahun 1612 Masehi akan tetapi terdapat pandangan-pandangan yang berbeda mengenai hal ini. A Teeuw umpamanya menulis, R.O. Winstedt demonstrated that *Sejarah Melayu* edited by him (Winstedt), the oldest known version, continues until 1535, that is to say, long after the conquest of Malacca by the Portuguese. He also indicated repeatedly, however, that the author of the *Sejarah Melayu*, must have known personally the life at the court of Malacca and suggests that the original draft was made in 1482, a date mention in a London manuscript in connection with the *Sejarah Melayu* even if the text was not fully written down until 1525 or shortly after". Lihat, A. Teeuw, "Hikayat Raja-Raja Pasai And Sejarah Melayu", dalam J. Bastin and R. Roelvink, (eds.), *Malayan and Indonesian Studies*, p. 232. Wolters sendiri menganggap, sebahagian jika tidak keseluruhan isi *Sejarah Melayu* telah ditulis sejak tahun Masehi 1436 di Melaka. Lihat, O.W. Wolters, *The Fall of Sriwijaya*, pp., 160-166.

<sup>2</sup> Lihat, W.P. Groeneveldt, *Historical Notes*, p., 124 J.V.G. Mills (ed.), *Ma Huan Ying-yai Sheng-lan*, p., 96.

<sup>3</sup> W.G. Groeneveldt, *Historical Notes*, p., 126.

<sup>4</sup> Pengaruh Keugamaan dari India turut membawa tulisan *Pallava* yang berasal dari India Selatan (Coromandel). Perhubungan perdagangan antara Melaka dan Coromandel telah disentuh oleh Pires, (A. Corteseo (ed.), *The Suma Oriental*, p., 271). Perhubungan seumpama itu dapat dipengaruhi penggunaan bentuk tulisan dari daerah itu. Akan tetapi pengunjung-pengunjung dan pendatang-pendatang dari tempat lain misalnya dari Asia Barat juga mungkin dapat memperkenalkan penggunaan tulisan mereka. Bentuk huruf *Pallava* menurut Mills mulai mendapat tempat di Kepulauan Melayu khususnya di Jawa mulai dari abad kelapan Masehi. Lihat, J.V.G. Mills (ed.), *Ma Huan Ying Yai Shing Lan*, p., 96, nota bawah no. 3 dan 4.

<sup>5</sup> Lihat umpamanya, R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, pp., 29-32. R.J. Wilkinson, "Early Indian Influence In Malaysia", *JMBRAS*, Vol. XIII, Part II (1953) pp., 1-11.

<sup>6</sup> Menurut Syed Muhammad Naguib Al-Attas, pengaruh *Al-Quran* dan Ugama Islam telah membawa tradisi tulisan yang baru di Kepulauan Melayu. Corak-corak huruf yang digunakan dalam *tulisan Jawi* juga menunjukkan perkaitan yang rapat dengan huruf-huruf dalam *Al-Quran*. Lihat, Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hal., 34-44.

yang dimaksudkan ialah seperti berikut: daripada huruf ج misalnya telah dicipta huruf ج , daripada huruf ع dicipta pula huruf ع , Huruf ف yang terdapat dalam *Al-Quran* telah menghasilkan huruf ف di dalam *tulisan Jawi*, manakala huruf ع dan ن dalam *Al-Quran*, menghasilkan pula huruf-huruf ت dan ث di dalam *tulisan Jawi*.<sup>1</sup>

Tulisan dan huruf Jawi yang tertua dijumpai di Tanah Melayu ini ialah daripada *Batu Bersurat Trengganu* yang bertarikh 4hb, Rejab, 702 Hijrah, bersamaan tahun Masehi 1303.<sup>2</sup> Apa yang lebih penting ialah bahasa yang digunakan untuk menggambarkan hukum-hukum Islam pada *batu bersurat* tersebut ialah *Bahasa Melayu* sendiri.<sup>3</sup> Jika *Bahasa Melayu* dan *tulisan Jawi* telah digunakan di Trengganu dalam abad keempat belas Masehi, maka tidaklah menghairankan jikalau ia digunakan di Melaka dalam abad kelima belas Masehi. Keperluan penggunaan *tulisan Jawi* dan *Bahasa Melayu* bertambah mendesak kerana ia adalah perantaraan utama untuk menyebarkan dan mendekati agama Islam.<sup>4</sup> Selain dari itu beberapa batu-batu nesan yang dijumpai di Melaka dalam tempoh Kesultanan Melaka, jelas memakai *tulisan Jawi* dan mengemukakan tahun-tahun Hijrah.<sup>5</sup> Tulisan-tulisan yang digunakan pada permukaan keping-keping wang syiling di bawah tempoh Kesultanan Melaka yang masih tersimpan di Muzium Negara juga memakai tulisan jawi.<sup>100</sup> Keadaan-keadaan sedemikian dapat membawa pengertian bahawa pengaruh ilmu pengetahuan di Melaka telah memesatkan penggunaan tulisan jawi.<sup>6</sup>

### Pandangan Terhadap Ulama

Sesungguhnya, Maulana-maulana atau para alim ulama, mendapat penghormatan yang tinggi di kalangan pemerintah-pemerintah dan penduduk negeri Melaka. Ditinjau dari sudut keagamaan, para alim ulama sememangnya menduduki tempat

<sup>1</sup> Lihat umpamanya, Haji Abdul Malek Karim Amrullah (HAMKA) "Pengaruh Islam Dalam Sastera Melayu", hal. 5. Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hal., 34-44.

<sup>2</sup> Tarikh 4hb, Rejab, tahun 702 Hijrah menurut Naguib bersamaan dengan 22hb, February, tahun 1303 Masehi. Lihat, Syed Naguib Al-Attas, "The Correct Date of The Trengganu Inscription", p., 27.

<sup>3</sup> Di permukaan-permukaan *batu bersurat* tersebut, dinyatakan agama Islam ialah agama resmi negeri itu. Terdapat juga hukum-hukum Islam mengenai hutang-piutang, kenyataan-kenyataan palsu, dan zina.

<sup>4</sup> Menurut beberapa sarjana, pendakwah-pendakwah Islam yang terdiri dari bangsa Arab, Farsi dan juga India telah menggunakan *Bahasa Melayu* dan juga *tulisan jawi* untuk memudahkan penyebaran agama Islam. Pendakwah-pendakwah tersebut juga melakukan perkahwinan campur dengan penduduk tempatan, serta mengambil cara hidup tempatan sebagai amalan hidup mereka. Lihat, C.A. Majul, "The Theories", Of The Introduction And Expansion Of Islam In Malaysia", *Siliman Journal* 1964, pp., 354-356.

<sup>5</sup> Lihat, Yahaya Abu Bakar, "Kesultanan Melayu Melaka", Bab IV. hal., 212-213.

<sup>6</sup> Ibid. hal., 211-212.



istimewa dalam agama Islam. Terdapat beberapa buah ayat *Quran*<sup>1</sup> dan *Hadith*<sup>2</sup> yang membincangkan kedudukan mereka. Di negeri Melaka para alim ulama tergolong dalam kumpulan sosial yang tertentu pula.<sup>3</sup>

Beberapa rujukan yang terdapat di dalam *Sejarah Melayu* menunjukkan pandangan tinggi terhadap Maulana-maulana. Kehadiran mereka kerap kali diberi sambutan meriah dan mereka diberi penghormatan untuk mengajar di istana raja.<sup>3</sup> Sebagai membalas jasa bakti para ulama, mereka turut diberi *anugerah* oleh golongan pemerintah.<sup>5</sup> Permuliaan dan penghormatan tinggi terhadap Maulana-maulana, bertambah jelas jikalau dilihat keadaan di mana Sultan Mahmud Shah sendiri membahaskan dirinya sebagai "*fakir*" [tanda merendahkan diri], tatkala hendak mengaji ilmu agama kepada Maulana Yusof.<sup>6</sup> Begitu juga halnya, dalam peristiwa di mana Megat Seri Rama menyindir Maulana Sadar Jehan, sehingga beliau meninggalkan Istana, Bendahara telah datang sendiri ke rumah Maulana untuk memujuk beliau.<sup>7</sup>

---

<sup>1</sup> Surah Az-Zumar ayat sembilan antara lain menyebut (terjemahan): "Adakah sama mereka yang tahu dengan mereka yang tidak tahu? Tidak mengingat melainkan orang-orang yang mempunyai fikiran". Surah Al-Mujadalah ayat sebelas antara lain menyebutkan (terjemahan): "nescaya Allah akan tinggikan beberapa darjat bagi orang-orang yang beriman dari antara kamu dan orang-orang yang diberi pengetahuan, dan Allah mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan"

<sup>2</sup> Riwayat Hadith dari At-Thabraani Ibnu Abdil Bar menyebut Nabi Muhammad (s.a.w) sebagai bersabda, "Sesungguhnya matinya satu kabilah adalah lebih ringan bila dibandingkan dengan matinya seorang alim". Di dalam riwayat Abu Dawud, Al-Tarmudzi-An Nasaai dan Ibnu Hibban disebutkan, "Keutamaan orang yang berilmu daripada orang yang beribadah adalah seperti keutamaan bulan purnama di atas semua bintang". Lihat, Jaafar Amir, *200 Pilihan Hadiths*, hal., 6 dan 9.

<sup>3</sup> Menurut Muhd. Yusof Ibrahim, golongan ulama yang terdiri daripada *Kadzi*, ahli-ahli *sufi* dan *pendakwah-pendakwah* (missionaries) adalah merupakan kelas sosial yang penting di Melaka. Di dalam sumber Portugis golongan ini dikenali sebagai "Mollah" atau "Casis". Lihat, Muhd. Yusof Ibrahim, "Some Observations On Sosial Classes During the Malacca Sultanates, (1400-1511)", Workshop In Malay Sultanates, K. Lumpur, 1977, pp., 11-13.

<sup>4</sup> Maulana Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Maulana Sadar Jehan adalah di antara beberapa contoh yang dapat diketengahkan. Maulana Abdul Aziz umpamanya diarak ke istana raja dengan gajah dan diiringi oleh paluan gendang. Penghormatan yang seakan-akan serupa diberikan kepada Maulana Abu Bakar dan Kitab *Durul Manzum* yang tiba di Melaka dalam masa pemerintahan Sultan Mansur Shah. Lihat, R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu", p., 84, p., 127, p., 177.

<sup>5</sup> Berlainan daripada pembesar-pembesar yang kerap kali mendapat *anugerah* pangkat, gelaran dan persalinan-persalinan, Maulana-maulana hanya *dianugerahkan* dengan kata-kata pujian dan sanjungan oleh pemerintah-pemerintah Melaka. Maulana Abu Bakar misalnya diberi pujian kerana membuat *Kitab Durul Manzum* ke Melaka. Sanjungan dan pujian sedemikian mungkin dianggap lebih sesuai diberikan daripada *anugerah* harta benda, pangkat dan sebagainya, kerana sifat Maulana-Maulana yang mengajar semata-mata kerana Allah. Lihat, R.O. Winstedt (ed.), "Sejarah Melayu", p., 127.

<sup>6</sup> Disebutkan di dalam *Sejarah Melayu*, apabila Sultan Mahmud Shah datang dengan menunggang gajah dan berpengiring untuk mengaji pada Maulana, baginda tidak diterima sebagai murid. Apabila baginda datang dengan berjalan kaki kemudiannya, dan membahaskan dirinya sebagai fakir, baginda dijemput untuk belajar agama oleh Kadzi Yusof. Lihat, R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu" p., 157. R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", p., 57.

<sup>7</sup> R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu", p., 178.

Penghormatan sedemikian rupa dapatlah dianggap sebagai berpunca daripada sikap pemerintah dan penduduk Melaka yang menghargai kepentingan ilmu pengetahuan, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan soal-soal keagamaan. Dengan demikian adalah wajar, golongan yang mengajar ilmu agama dipandang tinggi di sisi pemerintah dan masyarakat. Pandangan dan penghormatan yang tinggi terhadap maulana-maulana juga terbentuk daripada pelbagai peranan yang dimainkan oleh golongan tersebut di dalam masyarakat. Dari *Sejarah Melayu* kita difahamkan bahawa Sayid Abdul Aziz begitu dihormati kerana mengislamkan "Seluruh penduduk Melaka".<sup>1</sup> Maulana Jalaluddin, selain daripada merupakan seorang saudagar kaya, dan dengan itu mempunyai taraf sosial yang tinggi, juga terkenal kerana peranan penting yang dimainkan dalam rampasan kuasa istana terhadap Sultan Abu Shahid.<sup>2</sup> Sewaktu Sultan Alauddin menyampaikan wasiat terakhirnya kepada Sultan Mahmud Shah dan juga pembesar-pembesar Melaka, Kadzi Menawar Shah turut hadir sama.<sup>3</sup> Ini melambangkan pertalian beliau yang rapat dengan pemerintah serta kepentingan jawatan yang disandang olehnya.

Selain dari itu, beberapa orang ulama juga turut memegang jawatan *kadzi* di Melaka. Di antara mereka termasuklah Kadzi Yusuf, Kadzi Menawar Shah dan Kadzi Menua.<sup>4</sup> Sesungguhnya jawatan, peranan dan pengaruh jawatan *Kadzi* sangatlah besar dalam masyarakat Melayu. Sebagai seorang Kadzi, seseorang itu bertanggungjawab melaksanakan Hukum Allah dengan jelas, adil dan saksama.<sup>5</sup> Selain dari itu, Kadzi memainkan peranan yang penting dalam upacara pernikahan, penceraian dan pembahagian harta pusaka.<sup>6</sup> Di dalam *Sejarah Melayu*, ditunjukkan peranan Kadzi Menawar Shah menikahkan anak perempuannya dengan Seri Wa Raja.<sup>7</sup>

Penghormatan yang tinggi terhadap ulama-ulama dapat juga dikaitkan dengan kepercayaan bahawa golongan tersebut mempunyai kuasa luar biasa. Kepercayaan se umpama itu nampaknya telah lama dimiliki oleh orang-orang Melayu. Di dalam negara Temasek (Singapura Lama) umpamanya, Tun Jana Khatib telah menunjuk-

---

<sup>1</sup>*Ibid.* p., 129.

<sup>2</sup>*Ibid.* p., 91. Juga, P. Wheatley, *The Impressions Of The Malay Peninsula In Ancient Times*, Singapore, 1964, p., 134.

<sup>3</sup>R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu", p., 149. Di sini dinyatakan "maka disuruh baginda hampir daripada antara orang banyak itu lima orang, pertama Bendahara, kedua Penghulu Bendahari, ketiga Temenggong, Keempat *Kadzi Menawar Shah*, kelima Laksamana".

<sup>4</sup>*Ibid.* p., 129. Institusi Kadzi ini terus memainkan peranannya dalam pentadbiran hal ehwal umat Islam hingga ke hari ini. Pada masa ini umpamanya, terdapat mahkamah-mahkamah Kadzi dan Kadzi Besar dalam tiap-tiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia Barat). Pentadbiran dan pengurusannya diletakkan di bawah Majlis Hal Ehwal Ugama dan Adat Istiadat Negeri. Lihat, Ahmad Ibrahim, *Islamic Law In Malaya*, MSRI, Singapore, 1965, pp., 169-170.

<sup>5</sup>Lihat, Mohd. Daruddin Haji Taib, "Peranan Kadzi dalam melaksanakan Hukum-Hukum Allah", dalam *JIHAD*, Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid III 1975/76, hal., 138.

<sup>6</sup>E.N. Taylor, "Malay Family Law", dalam *JMBRAS*, Vol. XV, Pt. I (May 1937) p., 4.

<sup>7</sup>R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu", p., 155.

kan kuasa sakti dari matanya untuk menumbangkan sephohon pokok berhampiran istana raja. Di Melaka, sewaktu negara itu menghadapi ancaman serangan Siam, seorang Tun Saiyid telah mengacukan panahnya ke arah negeri Siam, berikutnya, Paduka Bubunya /Raja Siam/ menemui ajal "Seakan-akan terkena panah itu"<sup>2</sup> Akibat disumpahi oleh Maulana yang terdahulu dari itu, menumpangi kapal Hang Ishak, kapal tersebut dan muatannya telah karam dalam perjalanan pulang dari Benua Keling ke Melaka.<sup>3</sup> Di dalam kejadian yang lain, *Sejarah Melayu* telah menunjukkan kebolehan luar biasa Kadzi Menawar Shah menggunakan beladau /sejenis senjata tajam/, menetak seberapa banyak batang kesisi yang dimajukan kepadanya.<sup>4</sup>

Cerita-cerita seumpama itu, sekali imbas mungkin dapat dianggap sebagai dongengan semata-mata, ataupun kejadian yang bersifat *coincidental* sahaja. Ia boleh jadi benar-benar berlaku atau pun rekaan semata-mata. Akan tetapi, cerita-cerita sedemikian dapat membentuk sikap dan nilai penduduk Melaka terhadap golongan ulama. Cerita-cerita tersebut dimasukkan di dalam *Sejarah Melayu* sebagai salah satu bentuk kepercayaan yang bermaksud melahirkan pandangan tinggi terhadap kebolehan ajaib maulana-maulana. Seperti yang ditunjukkan oleh Taib Osman, cerita-cerita seumpama itu hendaklah dipandang dalam konteks *participant's model* dan bukannya daripada *observer's View*.<sup>5</sup> Cerita-cerita yang luar biasa dan diragukan kebenarannya dari sudut *observers view*, dianggap benar-benar berlaku oleh ahli-ahli masyarakat di mana sesuatu kejadian-kejadian mengambil tempat.

Pelbagai peranan Maulana atau ulama-ulama di Melaka juga dapat dilihat dalam kejadian di mana Maulana Sadar Jehan bersama Sultan Ahmad Shah (muridnya) memerangi angkatan perang Portugis.<sup>6</sup> Penglibatan maulana tersebut beserta pedagang-pedagang dan rakyat Melaka dapat ditafsirkan sebagai lambang penentangan penganut Agama Islam terhadap sikap penaklukan sentimen permusuhan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*, p., 80. Disebutkan, maka sekali persetua Tun Jana Khatib berjalan hampir Istana Raja Singapura; maka tuan puteri pun ada menengok di tingkap, maka terpangang oleh Tun Jana Khatib. Maka ada sebatang pinang hampir istana itu, maka dimilikkan oleh Tun Jana Khatib, menjadikan dua pohon pinang itu". Ini dilihat

<sup>2</sup> *Ibid.*, pp., 97-98.

<sup>3</sup> Menurut *Sejarah Melayu*, seorang wali dan Hang Nadim telah menumpang kapal Hang Ishak yang belayar dari Melaka ke Benua Keling. Perselisihan faham telah terjadi antara Hang Ishak dan Wali tersebut. Wali itu lalu menyumpah Hang Ishak. Dalam pelayaran pulang kapal, Hang Ishak karam di tengah lautan dan meninggal dunia Hang Nadim bagaimanapun selamat pulang ke Melaka. Lihat, R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu" pp., 165-166. Juga R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", p., 61.

<sup>4</sup> Lihat, R.O. Winstedt (ed.), "Sejarah Melayu", p., 155.

<sup>5</sup> Lihat, Yahaya Abu Bakar, "Kesultanan Melayu Melaka" Bab III, hal., 154.

<sup>6</sup> Tatkala menerima bedilan meriam yang bertubi-tubi daripada angkatan Perang Portugis, Maulana tersebut mengajak Sultan melarikan diri. Tegasnya, "Hai Sultan, di sini bukan tempat tauhid, mari kita kembali. Lihat, R.O. Winstedt, "Sejarah Melayu", p., 191.

dan monopoli perdagangan Kristian-Portugis.<sup>1</sup> Selain dari itu, menurut sumber orang-orang China, di dalam tahun Masehi 1508 “seorang Haji” telah diutuskan oleh pemerintah Melaka ke negeri China.<sup>2</sup> Pemilihan seorang Haji untuk dihantar ke Peking, sesungguhnya sekali lagi melambangkan peranan penting dan sifat pelbagaian tugas yang dimiliki oleh golongan ulama di Melaka.

### Institusi Pengajian Tidak Formal

Kehadiran maulana-maulana dan sikap mementingkan perkembangan ilmu pengetahuan keagamaan, telah melahirkan institusi-institusi pengajian yang tidak formal, secocok dengan zaman tradisi di Melaka. Institusi-institusi pengajian serupa itu mengambil tempat di istana-istana raja, di rumah para alim ulama, masjid-masjid dan boleh jadi di surau-surau (madrasah). Jikalau istana raja lebih memberatkan pengajian keagamaan yang tertumpu kepada *golongan diraja* dan *kaum kerabat* serta *pembesar istana*, maka rumah-rumah maulana, masjid serta *madrasah*, merupakan pusat kegiatan keilmuan untuk *golongan rakyat*. Keadaan ini dikatakan telah wujud sejak Islam sampai di daerah-daerah di Kepulauan Melayu.<sup>3</sup>

Kepentingan istana sebagai pusat penyebaran ilmu pengetahuan keagamaan, dapat difahami daripada penumpuan maulana-maulana dan juga sikap raja-raja Melaka membenarkan istana mereka dijadikan pusat pengajian agama Islam.<sup>4</sup> Pemilihan istana sebagai tempat pengajaran dan pengajian agama memanglah berepatan sekali, kerana seperti yang telah sedia dimaklumi, istana ialah pusat tumpuan segala aktiviti dalam negeri.<sup>5</sup> Sesungguhnya penumpuan kegiatan keilmuan di

---

<sup>1</sup>Menurut J.F. Cady, perutusan De Sequerq ke Melaka telah menimbulkan pertentangan daripada pemerintah negeri itu. Ini adalah disebabkan pedagang-pedagang Islam khususnya dari Gujerat yang mempunyai pengaruh kuat di Melaka telah memberitahu pemerintah negeri itu tentang sikap permusuhan orang Kristian Portugis terhadap umat Islam. Lihat, P. Wheatley, *The Impressions* p., 168.

<sup>2</sup>Lihat, W.P. Groeneveldt, *Historical Notes*, p., 133.

<sup>3</sup>Zaharah Mahmud, telah menunjukkan di samping mesjid, terdapat pula *madrasah* (prayer-halls-cum religious schools) di dalam sesebuah kampung yang mempunyai antara 30 hingga 50 buah rumah-rumah. Sungguh pun penulisannya memberikan penekanan kepada jangkawaktu antara abad-abad kesepuluh hingga kelapan belas Masehi dalam sejarah negeri Kedah, akan tetapi fungsi Madrasah seperti yang dibincangkannya dapat dikaitkan dengan Kesultanan Melaka. Lihat Zaharah Mahmud, “The Period And The Nature of Traditional Settlement In the Malay Peninsula”, *JMBRAS*, Vol. 43, Pt. 2, (June, 1972), p., 91. Untuk melihat peranan *madrasah* dalam konteks pengajian agama, lihat, Mansoor A. Quraishi, “Some Aspects of Muslim Education,” Centre of Advanced Study In Education, Boroda, India, 1970, pp., 29-32, C. Snouck Hargronje, *Islam Di Hindia Belanda*, Bhratara, Jakarta, 1973, 1973, hal., 35-40. Oscar Evangelista turut menyebutkan peranan pendakwah-pendakwah Islam di Asia Tenggara mendirikan mesjid, surau dan madrasah-madrasah untuk mengajarkan ilmu pengetahuan Agama. Lihat Oscar L. Evangelista, “Some Aspect Of The History Of Islam In S.E. Asia”, *Siliman Journal*, 2nd Quarter, 1971, p., 184.

<sup>4</sup>Lihat A. Cortesao (ed.) *Suma Oriental*, p., 243.

<sup>5</sup>Mohd. Taib Osman, *Asas Dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*, KKBS, K. Lumpur, 1974. hal., 23-24.

istana raja, adalah amalan yang biasa dilakukan di Kepulauan Melayu ini. Misalnya, W.F. Wertheim menyebut:

“the mansions of the chieftain and the palaces (kratons) of the princes (rajas) were the centre of Javanese Civilization. Numerous artisans and traders largely of foreign origins were to be found here. These centres were the Cradle of court dances and court literature.”<sup>1</sup>

Keadaan yang sama wujud dalam pemerintah Sultan Malikul Dzahit di Pasai, di mana istana baginda dijadikan pusat membincangkan falsafah dan perundangan Islam.<sup>2</sup> Di dalam keadaan demikianlah, istana Sultan Alauddin Riayat Shah dijadikan oleh baginda pusat mengembangkan ilmu pengetahuan keagamaan kepada pemerintah-pemerintah dari luar negeri Melaka.<sup>3</sup>

Kepentingan istana sebagai pusat pengajian keagamaan menjadi bertambah nyata, disebabkan di sana banyak tersimpan kitab-kitab yang berkaitan dengan agama. *Sejarah Melayu* telah menunjukkan dengan jelas bahawa *kitab Muhammad Ali Hanafiah* dan juga *Hikayat Amir Hamzah* tersimpan di istana raja Melaka.<sup>4</sup> Pengertian (mungkin terjemahan) kitab *Durul Manzum* yang dibawa balik daripada Pasai juga tersimpan di istana Sultan Mansur Shah.<sup>5</sup> Jawapan-jawapan bertulis mengenai persoalan-persoalan agama yang dimajukan oleh pemerintah-pemerintah Melaka kepada ulama-ulama Pasai juga diarak dan disimpan di istana raja.<sup>6</sup> Kesemua ini dapat menunjukkan kepentingan istana sebagai pusat kegiatan keilmuan.

Kepentingan istana sebagai pusat tumpuan segala aktibiti di dalam negara dapat dilihat dari segi *sais* dan keletakan istana itu sendiri. Biasanya istana raja terletak di satu kawasan yang istimewa dan pusat tumpuan lalu lintas seperti di muara-muara sungai.<sup>7</sup> Istana Sultan Mansur Shah misalnya dikatakan terletak berhampiran muara sungai di puncak Bukit St. Paul.<sup>8</sup> Istana baginda juga mempunyai tujuh belas ruang<sup>9</sup> yang dapat menampung keperluan-keperluan penginapan, balai rong seri, balai penghadapan ruang penyambut tamu, balai pengaduan,

---

<sup>1</sup> Lihat umpamanya, W.F. Wertheim, *Indonesian Society In Transition*, Sumur Bandung, 2nd. Edition, 1956, p., 2. Hubungan golongan *pujangga-pujangga* (court writers) dengan Kraton-kraton juga disentuh oleh Mohd. Taib Osman. Lihat, Mohd. Taib Osman, *Asas Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia*, hal., 8.

<sup>2</sup> Lihat umpamanya, C.A. Madul, “The theories”, p., 242. Juga, T.W. Arnold, *The Preaching Of Islam*, Ashraf Press, Lahore, 1968, p., 249.

<sup>3</sup> Lihat nota bawah no:66,

<sup>4</sup> Lihat R.O. Winstedt, (ed.) “Sejarah Melayu”, pp., 191-192.

<sup>5</sup> Lihat nota bawah no: 45.

<sup>6</sup> Lihat nota bawah no: 51 dan nota bawah no: 74.

<sup>7</sup> Lihat, Paul Wheatley, *The Impressions*, pp., 132-133.

<sup>8</sup> Lihat, R.J. Wilkinson, “The Malacca Sultanate”, p., 44. W.D.G. Birch, (tr.), *The Commem-*

<sup>9</sup> Lihat, R.O. Winstedt, (ed.) “Sejarah Melayu”. p., 114.

dan sebagainya.<sup>1</sup> Berhampiran istana raja terdapat pula bangunan masjid yang dibina untuk keperluan amal ibadat.<sup>2</sup>

Selain dari itu, istana juga dapat dijadikan pusat menyalin dan menterjemahkan kitab-kitab penting.<sup>3</sup> Proses menyalin dengan tangan ini adalah penting kerana percetakan belum lagi wujud di dalam tempoh itu. Oleh kerana proses menyalin dengan tangan ini adalah suatu proses yang rumit lagi memakan masa, maka ia tidak mampu dilaksanakan oleh orang kebanyakan.<sup>4</sup> Dengan demikian, beberapa orang penulis khusus adalah diperlukan. Penulis-penulis ini pula disebabkan oleh keistimewaan yang dimiliki oleh mereka, samada ditempatkan di istana raja atau berkait rapat dengan istana, mengendalikan kegiatan-kegiatan penyuratan. Dalam konteks demikian, kepentingan istana sebagai pusat kegiatan ilmu pengetahuan semakin nyata.

Di samping istana raja, rumah-rumah Maulana juga menjadi tumpuan kegiatan pembelajaran agama Islam. Penggunaan rumah-rumah kediaman sebagai tempat menerima ilmu pengetahuan sesungguhnya bukanlah perkara baru dalam sejarah umat Islam. Nabi Muhammad (S.A.W) sendiri, misalnya telah menggunakan rumah kediaman Arqam bin Abi Arqam yang ditumpanginya, sebagai pusat pengajaran selok belok agama Islam dan pengenalan *Quran* kepada umat Madinah.<sup>5</sup> Rumah Imam Al-Ghazali yang meninggal pada tahun Masehi 1111, juga pernah menjadi tumpuan para pelajar-pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan agama dan falsafah Islam.<sup>6</sup> Institusi pengajian di rumah para alim ulama juga memainkan peranan yang tidak sedikit dalam pendidikan Islam di India.<sup>7</sup>

Sejauh yang berkaitan dengan Kesultanan Melaka, *Sejarah Melayu* telah menunjukkan dengan jelas, betapa Sultan Mahmud Shah telah mengunjungi rumah maulana Yusuf, dan diterima sebagai murid di sana.<sup>8</sup> Sultan tersebut juga telah menimba ilmu pengetahuan keagamaan daripada maulana Sadar Jehan di saat-saat akhir pemerintahannya baginda.<sup>9</sup> Selain daripada golongan pemerintah, golongan *pembesar* serta *ulama* juga turut mengunjungi rumah maulana-maulana. Tun Mai

---

<sup>1</sup> Lihat, Yahaya Abu Bakar, "Kesultanan Melayu Melaka", Bab V., hal., 263-264.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Lihat, Zainal Abidin A. Wahid, "Sejarah Melayu", p., 449.

<sup>4</sup> Haji Abdul Malek Karimullah (HAMKA), "Pengaruh Islam", hal., 5.

<sup>5</sup> Lihat, Mohd. Athiyah Al-Abrasyi, *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1974, hal., 59.

<sup>6</sup> Lihat umpamanya, Ahmad Shallaby, *Sejarah Pendidikan Islam*, Pustaka Nasional Singapura, 1976, hal., 43.

<sup>7</sup> Misalnya seorang tokoh ulama yang ulung di Rajputna iaitu Khwaraj Muin al-Din (meninggal pada tahun Masehi 1234) telah mengislamkan ramai penganut-penganut baru. Beliau telah mengumpulkan ramai murid-muridnya dan mengajar mereka mengenai keagamaan di kediamannya. Lihat, T.W. Arnold, *The Preaching*, p., 284.

<sup>8</sup> Lihat nota bawah no: 106.

<sup>9</sup> R.O. Winstedt, (ed.) "Sejarah Melayu". p., 190.

Ulat Bulu misalnya disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai berguru kepada Maulana Sadar Jehan.<sup>1</sup> Di samping itu terdapat pula catatan di dalam sumber yang sama mengenai kunjungan Kadzi Yusuf ke rumah Maulana Abu Bakar untuk memperdalam ilmu /keugamaan/.<sup>2</sup>

Selain dari istana dan rumah-rumah Maulana, pengajian dan pengajaran keugamaan juga dapat dilakukan di masjid-masjid. Kewujudan masjid-masjid di bawah tempoh Kesultanan Melaka telah dicatatkan oleh Tom Pires.<sup>3</sup> Sesungguhnya sejarah pendidikan keugamaan bagi umat Islam amat berkaitan dengan institusi masjid. Masjid dalam pengertiannya yang luas bukanlah terbatas penggunaannya semata-mata bagi tujuan ibadat. Berkenaan fungsi masjid bagi umat Islam, Ahmad Shellaby menyebut:

“tempat yang utama untuk memberi pelajaran ialah mesjid, kerana duduk untuk mengajar itu hanya berfaedah bila dapat memperlihatkan Sunnah, atau membenters biada’ah, atau dapat mengajarkan sesuatu hukum dari hukum-hukum yang didatangkan Allah. Mesjid itu dapat mengujudkan keperluan ini dengan cukup, kerana mesjid itu tempat manusia berkumpul yang mulia dan yang hina, yang pandai dan yang bodoh . . . ”<sup>4</sup>

Di dalam tempoh pemerintahan Dinasti ‘Abassiyah misalnya, masjid-masjid telah dijadikan sebagai tempat membincang dan memperdalam isi-isi *Al-Quran dan Hadith-hadith* dan *berzikir*.<sup>5</sup> Selain dari itu, di masjid-masjid misalnya, *kutbah-kutbah* akan diperdengarkan kepada hadirin, dan ia dapat memberikan pengajaran yang penting kepada orang perseorangan.<sup>6</sup> Di samping itu masjid juga menjadi rumah tum-

---

<sup>1</sup> Lihat nota bawah no: 76.

<sup>2</sup> R.O. Winstedt, (ed.) “Sejarah Melayu”, p., 129. Juga, R.J. Wilkinson, “The Malacca Sultanate”, p., 47.

<sup>3</sup> Sultan Mansur Shah misalnya disebut oleh Pires telah membina beberapa buah mesjid yang indah di Melaka. Lihat, A. Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, p., 249. *Sejarah Melayu* juga ada menyebut mengenai mesjid, di mana raja pembesar dan rakyat melakukan sembahyang berjumaah. Lihat, R.O. Winstedt (ed.) “Sejarah Melayu”, p., 87.

<sup>4</sup> Ahmad Shallaby, *Pendidikan Islam*, hal., 41.

<sup>5</sup> Di dalam masa Khalifah-khalifah Dinasti Abassiah terutamanya, selain daripada membincangkan isi *Al-Quran dan Hadith-Hadith*, berbagai aspek ilmu, meliputi, falsafah, kesusasteraan dan perundangan turut dibincangkan. Lihat, M.A. Hanafi *A Survey of Muslim Institution And Culture*, Ashraf, Lahore, Pakistan, 1964 p., 161 p., 165.

<sup>6</sup> *Kutbah* (sermon) dibacakan oleh *Imam* atau *Khatib* di dalam sembahyang Jumaat dan sembahyang-sembahyang hari raya. *Kutbah* Jumaat misalnya adalah wajib didengar dan difahami oleh ahli jemaah. Kerap kali *kutbah-kutbah* memberikan lunas dan petunjuk yang diredei oleh Allah dan melarang perbuatan-perbuatan keji lagi maksiat. Ahli-ahli jemaah yang mengikuti sembahyang tersebut akan menyampaikan pula isi *kutbah* yang telah diperdengarkan kepadanya itu kepada keluarga atau anggota masyarakat yang lain. Lihat umpamanya, Sidi Ghazalba, *Mesjid, Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam*, Pustaka Antara, Jakarta, 1962, hal. 247-258. Juga, H. Aboe Bakar, *Sedjarah Mesjid Dan Amal Ibadat Dalamnja*, 1955, hal., 359-362.

pangang musafir,<sup>1</sup> di sana juga kehakiman, pengadilan dan penyelesaian perbalahan lapangan.<sup>2</sup>

Ruang-ruang yang luas dan berbagai-bagai di dalam bangunan masjid,<sup>3</sup> dapat pula menampung berjenis-jenis keperluan hidup termasuk aspek pengajian keagamaan.

Di dalam Sejarah Kesultanan Melaka, seperti yang disebutkan oleh *Sejarah Melayu*, jelas menampakkan penggunaan masjid sebagai tempat ibadat terutamanya di dalam bulan *Ramadhan* serta perayaan *Hari Raya Puasa* dan *Raya Haji*.<sup>4</sup> Penyebutan tersebut tidaklah bermakna sama sekali bahawa fungsi masjid hanya terbatas setakat itu sahaja. Fungsi masjid di Melaka haruslah dilihat dalam perspektif yang lebih luas, dalam konteks fungsi masjid secara keseluruhan kepada umat Islam. Snouck Hargrouje umpamanya mengakui peranan masjid sebagai, “pusat pengaruh pemacaran agama Islam ke seluruh kehidupan (masyarakat)”.<sup>5</sup> Malah upacara sembahyang Hari Raya itu sendiri turut memuatkan petunjuk-petunjuk dan suruhan-suruhan keagamaan yang penting kepada umat Islam.

Zaaba misalnya menyebut:

“at the mosque, they all sit in rows on the carpeted floor and chant both individually and in chorus, again and again, special thanks giving hymns in the Arabic language prescribed for the occasion in praise of God. These are not accompanied by any music. After this, they perform a special Hari Raya prayer in congregation, on the conclusion of which the Imam or Prayer Leader ascends the pulpit and delivers his sermons—always two separate ones with a brief interval between them. In these he exerts the congregation to a more careful attention to their moral and religious duties during the ensuing year, and to do good and shun evil as taught by Islam and other religions”.<sup>6</sup>

---

<sup>1</sup>Sidi Gazalba, *Mesjid*, hal., 125.

<sup>2</sup>Lihat, C. Snouck Hargronje, *Islam di Hindia Belanda*, hal., 20-23. Di Indonesia dan Malaysia misalnya, ada beberapa bentuk kehakiman, yang terpenting ialah mahkamah Sivil (awam), dan mahkamah Syariah. Namun demikian soal-soal yang menyentuh ahli-ahli dalam masyarakat seperti pergaduhan secara kecil-kecilan biasanya diselesaikan di mesjid-mesjid oleh penghulu, imam dan pegawai-pegawai mesjid yang lainnya. Lihat, Sidi Gazalba, *Mesjid*, hal., 266.

<sup>3</sup>Mesjid dibina menghala ke *Kaabah*. Petunjuk ke arah *Kaabah* di dalam bangunan mesjid, dikenali sebagai *mihrab*, yang dihiasi di bahagian atasnya dengan ukiran-ukiran dan ayat-ayat suci *Al-Quran*. Berhampiran *mihrab* kedapatan pula *mimbar*, (semacam kursi) di mana *Imam* atau *khatib* membaca *kutbah*. Bahagian lain dalam mesjid ialah *mughatta* atau ruangan yang luas tempat sembahyang. Selain dari itu terdapat pula *maksurah* yang kadang-kadang dikenali sebagai *zawiyah* yang merupakan bilik-bilik khusus untuk menjalankan kegiatan pengajian atau pengajaran keagamaan. Di dalam bangunan mesjid juga, biasanya tersimpan beberapa buah kitab *Al-Quran*, *Hadith*, kitab-kitab *Hukum* dan sebagainya. Lihat, H. Aboe Bakar, *Sedjarah Mesjid*, hal., 275-305. Sidi Gazalba, *Mesjid*, hal., 276-290.

<sup>4</sup>Lihat Nota bawah 15 & 16.

<sup>5</sup>C. Snouck Hargronje, *Islam di Hindia Belanda*, hal., 18.

<sup>6</sup>Z. Abidin Ahmad (Za'aba) “Malay Festivals and Some Aspects of Malay Religious Life” *JMBRAS* Vol. 22 (1949), hal.95.



## Kesimpulan

Sesungguhnya, peranan pengajaran dan pengajian keagamaan sepertimana yang dibincangkan terdahulu, mendapat perhatian yang agak istimewa oleh pemerintah Melaka. Institusi-institusi seperti istana, Masjid, rumah-rumah alim ulama dan mungkin juga madrasah-madrasah memainkan peranan yang tidak sedikit dalam konteks pengajaran dan pengajian keagamaan. Di samping itu, pandangan pemerintah, mahupun rakyat jelata adalah tinggi terhadap golongan ulama-ulama (maulana-maulana) maupun kepentingan pengajian itu sendiri. Walaupun kebanyakan alim ulama yang terdapat di dalam tempoh Kesultanan Melaka terdiri daripada orang asing dan dari Kepulauan Melayu lainnya, anak negeri turut memainkan peranan aktif dari segi mendekati ilmu pengetahuan keagamaan. Hasil daripada kegiatan pengajian keagamaan itu akhir-akhirnya telah menanamkan pengaruh Islam ke dalam aspek perundangan dan kehidupan harian penduduk Melaka. Walau bagaimanapun, pengaruh Islam sebagaimana yang terdapat di Melaka tidaklah bermakna sudah ke-luputan sama sekali amalan-amalan tradisi dan kebiasaan-kebiasaan yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Asas pengajaran dan pengajian keagamaan yang tersemat dan berkembang dalam zaman Kesultanan Melaka kemudian diwarisi pula oleh negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Lunas-lunas pengajian agama Islam di dalam kesultanan itu, serta minat dan kesempatan semasa yang wujud dalam abad kelima belas dan awal abad keenam belas Masehi telah memungkinkan Melaka memainkan peranannya dalam penyebaran agama Islam di Kepulauan Melayu.